Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga hal, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.14 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 127 | 22 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الأول 26 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# BERKENAN KURNIAKAN SURAT WATIKAH, TERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam; Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis; Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia; Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia; dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3 dan 4*).**

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan TAIB

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**PEKAN MUARA,** Khamis, 20 Oktober. - Sempena Ulang Tahun Penubuhannya Ke-31 Tahun, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Setia Ali, Pekan Muara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Khas Perbadanan TAIB.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pemangku Penasihat Khas Perbadanan TAIB.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama












PELITA BRUNEI

# Peluang menderma berbentuk kewangan, anjur pelbagai aktiviti amal



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad semasa berucap di pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022, yang bersidang di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), pada 15 Oktober 2022.**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

**ALHAMDULILLAH,** syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat dan izinNya jua kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022.

Seperti yang kita maklum, semenjak bulan Ogos tahun ini, Pakistan telah dilanda kejadian banjir paling teruk dalam sejarahnya.

Skala bencana adalah signifikan, dengan hampir 1,400 kematian dan hampir 13,000 cedera. Manakala lebih 1.6 juta rumah telah musnah dan 81 daerah mengisytiharkan dilanda bencana, menjejaskan lebih 33 juta orang dan menenggelamkan satu pertiga daripada negara tersebut.

Pada 9 September 2022, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Antonio Guterres sewaktu lawatan ke Pakistan telah menyeru sokongan antarabangsa secara 'besar-besaran' untuk Pakistan, dan menekankan kepentingan memahami kesan perubahan iklim terhadap negara yang berpendapatan rendah. Anggaran awal kerugian adalah sekitar AS$30 bilion.

Justeru itu, berdasarkan Garis Panduan Penubuhan Tabung Kemanusiaan Bencana Antarabangsa, dan atas hasil persetujuan antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, bersama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022 untuk tempoh tiga bulan.

Ini adalah memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan berkebajikan bagi tujuan kutipan derma.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memperkenankan bagi penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022, yang mana peramba / kaola / saya dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah diperkenankan sebagai Penasihat Bersama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai Timbalan Penasihat bagi Jawatankuasa Kebangsaan ini.

Manakala Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah Pengerusi Bersama dan ahli-ahlinya terdiri daripada perwakilan dari berbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Berikutan dengan perkenan baginda itu, maka mesyuarat pada petang ini diadakan bersama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022 dan seterusnya membincangkan bidang tugas masing-masing.

InsyaAllah, sebentar lagi kita akan meneruskan dengan Majlis Pelancaran bagi SMS Brunei Prihatin bagi Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022 sepertimana juga yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu kaedah kutipan derma bagi tabung kemanusiaan ini dengan kerjasama Datastream Technology (DST) Sendirian Berhad, Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad.

Antara kaedah kutipan melalui SMS Brunei Prihatin, peramba / kaola / saya difahamkan kaedah kutipan lain seperti melalui penyediaan tabung-tabung derma di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, bangunan-bangunan awam, gedung-gedung perniagaan dan bank-bank serta beberapa penganjuran aktiviti-aktiviti amal adalah juga dicadangkan dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut petang ini.

Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022 juga akan mempertimbangkan kaedah terbaik untuk menyalurkan apa jua hasil kutipan tabung ini nanti kepada pihak Pakistan.

Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba / kaola / saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir. Mudah-mudahan hajat mulia kita untuk membantu para mangsa di Pakistan akan mencapai matlamatnya dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22 | SABTU | 26 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 23 | AHAD | 27 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 24 | ISNIN | 28 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 25 | SELASA | 29 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 26 | RABU | 30 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.24 | 6.03 | 7.14 |
| 27 | KHAMIS | 1 Rabiulakhir | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03 | 7.14 |
| 28 | JUMAAT | 2 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 31 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 31 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 31 24 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 31 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 22 OKTOBER 2022

### Tunaikan kepercayaan dan kewajipan sebaik mungkin

**AMANAH** dan tanggungjawab adalah perkataan yang sering kita dengar. Amanah ialah sesuatu kepercayaan yang diberikan kepada kita. Sebagai contoh, kita diberi amanah mengetuai sesuatu organisasi. Pada dasarnya, kita akan lebih memilih untuk mengetuai sesuatu organisasi, tetapi amanah yang diberikan itu adalah suatu kepercayaan pihak tertentu kepada kita dan juga amanah ini ditunaikan atas pemberian dari Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam institusi berlainan, kita diberi amanah dalam kekeluargaan. Iaitu amanah menjaga pasangan kita, amanah dalam menjaga anak-anak kita dengan perkara-perkara kebaikan seperti mengajar Al-Quran, mengajar sembahyang yang betul, dan memberi pendidikan terbaik duniawi dan ukhrawi. Sebaiknya kita menjalankan amanah ini sebaiknya seperti dengan menyediakan jadual atau kaedah yang terbaik.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal ayat 27 antara lain makna terjemahannya "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui*".

Kehidupan seharian kita ini juga diberikan amanah, iaitu menunaikan kewajipan 5 waktu sembahyang fardu sehari semalam. Inilah amanah yang Allah berikan kepada kita untuk sentiasa kita jaga dan tunaikan. InsyaaAllah dengan kita tunaikan sebaik mungkin amanah ini, hidup kita akan sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Allah jua.

Sesungguhnya adalah menjadi kewajipan ibu bapa untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak seperti menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk menjadikan mereka anak-anak yang berguna dan berjaya di dunia dan di akhirat. Agama Islam sangat menganjurkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak kecil lagi. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah:

*"Daripada Anas bin Malik ia berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap Muslim".*

Agama Islam adalah agama yang cukup lengkap dan sempurna di mana penerapan pendidikan agama anak-anak bermula sejak dalam kandungan lagi. Ibu-ibu yang mengandung adalah digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai didikan rohani kepada anak-anak dalam kandungan mereka. Setelah anak dilahirkan, sunat diazankan pada telinga kanan dan iqamat pada telinga kiri anak-anak tersebut dan sunat juga dibacakan surah Al-Ikhlas pada telinga anak tersebut supaya kalimah yang mula-mula didengar oleh mereka setelah lahir ke dunia ini adalah kalimah tauhid. Di samping itu akhlak yang mulia juga hendaklah disampai ke jiwa anak-anak sedari mereka masih kecil lagi bak kata pepatah 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Ketahuilah, jika jiwa anak-anak itu telah dididik dan disampai dengan ajaran agama Islam yang kuat, InsyaaAllah mereka akan menjadi orang yang beriman, cinta kepada Allah dan Rasul-Nya, menjadi anak yang soleh, berbakti kepada agama, ibu bapa, masyarakat, raja dan negara serta mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Inilah hasrat dan harapan setiap ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Manakala tanggungjawab ialah sesuatu yang menjadi kewajipan untuk seseorang memikulnya. Sebagai contoh, kita diberikan sebuah kereta untuk dipinjam. Ini adalah menjadi kewajipan atau menjadi tanggungjawab kepada kita untuk menjaga sebaik mungkin. Seperti menjaga daripada berlakunya kemalangan, menjaga kebersihan kereta tersebut. Inilah dinamakan tanggungjawab yang perlu dipikul.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'am, ayat 69, antara lain makna terjemahannya "*Dan tidaklah orang-orang yang bertaqwa itu bertanggungjawab sedikit pun terhadap hitungan perbuatan mereka (orang yang mengejek-ejek ayat-ayat keterangan Kami) tetapi (kewajipan mereka) ialah memberi peringatan supaya mereka bertakwa*". Jika seseorang itu bertakwa kepada Allah, pasti tanggungjawab yang diberikan kepada nya akan ditunaikan sebaiknya.

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya hidup kita sentiasa dalam keberkatan. Sekian sidang pengarang buat keluaran kali ini.
**- Ketua Penyuntingan (Fa)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berkenan kurniakan Surat Watikah, terima Surat Tauliah Pelantikan





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yussof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Datin Paduka Hajah Rakiah binti Haji Abdul Lamit @ Hamid (kiri dan kanan).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu.

**>> Muka 4**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Garry Ramlee bin Ibrahim; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Salimin bin Pengiran Mohd. Daud; dan baginda berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





PELITA BRUNEI





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Major General (Retd.) Farhat Abbas Sani, Hilal-e-Imtiaz; dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie (kiri dan kanan).**

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yussof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Datin Paduka Hajah Rakiah binti Haji Abdul Lamit @ Hamid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Garry Ramlee bin Ibrahim; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Salimin bin Pengiran Mohd. Daud.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai; Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Major General (Retd.) Farhat Abbas Sani, Hilal-e-Imtiaz; dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie.

Selepas Majlis-majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.







**KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam.**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik serta Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam; dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam (atas, kanan dan kanan sekali).**





# DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN PERBADANAN TAIB

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi







**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Khas Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Yang Mulia Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pemangku Penasihat Khas Perbadanan TAIB pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Ulang Tahun Penubuhannya Ke-31 Tahun, Perbadanan TAIB (atas, atas kanan dan kanan).**

**>> Muka 1**

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Pengarah Urusan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Pemangku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikat serta jemaah Masjid Setia Ali.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Setia Ali, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang kemudiannya diteruskan dengan pesembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Acara Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan TAIB disambut setiap tahun sempena Memperingati Ulang Tahun Perasmiannya yang dilancarkan pada 29 September 1991 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam.

Pelancaran Perbadanan TAIB telah menandakan permulaan baharu bagi Negara Brunei Darussalam kerana TAIB adalah yang pertama menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan menurut undang-undang Islam.

# 6 kes berada dalam Kategori 4

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Oktober. - Sebanyak 365 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 231,984.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak enam kes dilaporkan berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 21 Oktober 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.7 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.




# 10.7 peratus penduduk terima 4 dos vaksin

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Sebanyak 418 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 231,619.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Sementara itu, satu kes dilaporkan telah meninggal dunia.

Bagi Program Vaksinasi setakat 20 Oktober 2022, sebanyak 86.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.7 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# COVID-19 : 343 kes disahkan sembuh

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Sebanyak 343 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 231,201.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 19 Oktober 2022, sebanyak 86.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.7 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# 33 GRADUAN CEMERLANG BIASISWA KHEU DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah penghargaan kepada penerima pada Majlis Penghargaan dan Doa Kesyukuran Graduan Cemerlang Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**JERUDONG**, Rabu, 19 Oktober. - Penganugerahan Biasiswa Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam mendukung keberjayaan sistem persekolahan Arab dan Pengajian Tahfiz.

Ini kerana pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Awam Arab dan umum termasuk Hafazan Al-Quran menjadi syarat utama bagi melayakkan pelajar-pelajar dianugerahkan biasiswa ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku Pengerusi Majlis pada Majlis Penghargaan dan Doa Kesyukuran Graduan Cemerlang Biasiswa KHEU, Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, hari ini.

"Alhamdulillah dengan adanya penganugerahan ini, kita dapat menyalurkan pelajar-pelajar sekolah Arab dan institut tahfiz untuk meneruskan pengajian lanjutan di peringkat pengajian tinggi khususnya di institusi pengajian tinggi luar negara.

"Dalam pada itu, lulusan sekolah Arab dan institut tahfiz turut memiliki kelebihan melalui dua sijil yang diperoleh iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan Brunei Cambridge General Certificate of Education Advance Level (BCGCE 'A' Level) yang membolehkan mereka untuk memohon mana-mana biasiswa yang turut ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain," ujar Pengerusi Majlis.

Majlis tersebut diadakan adalah untuk memberi penghargaan atas pencapaian yang telah diperolehi oleh para graduan setelah menamatkan pengajian dalam bidang dan jurusan masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

Antara tujuan majlis itu diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia kejayaan graduan-graduan dalam pengajian yang telah diikuti dan memberi pengiktirafan kecemerlangan akademik atas usaha gigih graduan-graduan berkenaan.

Di samping itu, ia juga merupakan salah satu inisiatif dalam mendukung rancangan strategik KHEU 2020-2024, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan. Ini diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Mohammad Firdaus bin Mohammed Salleh, iaitu pelajar dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Majlis diserikan dengan tayangan klip video ucapan wakil-wakil graduan yang diraikan dan dikuti dengan penyampaian hadiah penghargaan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kepada seramai 33 graduan cemerlang yang telah mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dan telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2019 hingga 2021.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

# Kongsi amalan kepimpinan terbaik



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan ucaptama pada Forum Kepimpinan, dianjurkan oleh Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dengan kerjasama Institute of Leadership, Innovation and Advancement, Universiti Brunei Darussalam.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober, - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dengan kerjasama Institute of Leadership, Innovation and Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan sebuah Forum Kepimpinan pada Selasa, 22 Rabiulawal 1444H bersamaan dengan 18 Oktober 2022M di Radisson Hotel Brunei.

Forum yang diadakan secara maya berkenaan membawa tema 'Leaders, Leadership, and Uncertainties' yang antara lainnya bertujuan untuk membincangkan peranan pemimpin dalam masa ketidakpastian, terutamanya yang telah diakibatkan oleh pandemik COVID-19.

Forum berkenaan juga bertujuan untuk menjadi platform kepada para pemimpin daripada pelbagai sektor untuk berkongsi pengalaman kepimpinan mereka; pelbagai cabaran yang dihadapi berhubung kait kepimpinan; pelbagai cara untuk mengendali ketidakpastian; dan seterusnya membangun pemimpin masa hadapan yang bersiap siaga.

Forum berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat.

Beliau mengongsikan bahawa pandemik COVID-19 telah membuktikan kepentingan bagi setiap organisasi untuk mempunyai kepimpinan yang mantap bagi mewujudkan objektiviti, hala tuju dan kelestarian semasa menghadapi sebarang ketidakpastian.

Beliau juga berharap agar forum berkenaan akan menjadi pemangkin bagi para pemimpin daripada pelbagai organisasi untuk bertukar-tukar pandangan dan mengongsikan amalan kepimpinan terbaik.

Forum kemudian diikuti dengan ucaptama yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Dalam ucaptama berkenaan, Yang Berhormat menyentuh mengenai iktibar yang diperolehi daripada pandemik COVID-19, termasuk kepentingan sinergi dan kerjasama dalam mencapai pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation apabila berhadapan dengan krisis.

Yang Berhormat juga turut menggalakkan para pemimpin untuk lebih berpandangan ke hadapan daripada reaktif, di samping mengimbangkan empati dan belas kasihan serta bersikap tenang dalam mengutamakan kepentingan awam dan menavigasi pelbagai krisis berskala global dengan berjaya.

Forum berkenaan juga menampilkan beberapa perbincangan panel dan pembentangan termasuk 'Leaders, Leadership, and Uncertainties'; 'Leadership Experience in Academia'; 'Contrast in Leadership Principles and Practices'; 'Rethinking Leadership in the Post COVID-19 Era'; 'Islamic Leadership - Building the Future from Lessons of the Past'; dan 'Ladies in Leadership'.

Antara para pemimpin dan penceramah tempatan dan antarabangsa yang ikut serta ialah Penolong Naib Canselor (Innovation and Enterprise), UBD, Professor Dr. Mohd Ayub Sadiq; Pengerusi, Competition Commission Brunei Darussalam, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii; Ketua Pegawai Eksekutif, Unified National Networks Sdn. Bhd., Dr. Steffen Oehler; Ketua Pegawai Eksekutif, Imagine Sdn. Bhd., Dayang Suzannawati binti Haji Suharju; Penyandang Kursi Al-Ghazzali dalam Pemikiran Islam, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), International Islamic University Malaysia (IIUM), dan Profesor Emiritus Falsafah Sains, Universiti Malaya, Yang Berbahagia Professor Datuk Dr. Osman bin Bakar; dan Ketua Pegawai Eksekutif, Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS), Dr. Shamsiah binti Abd. Karim.

Forum berkenaan diakhiri dengan ucapan oleh Pengarah, ILIA dan Institute of Policy Studies (IPS), UBD, Dr. Mahani binti Haji Hamdan.

BILIF merupakan sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di bawah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

BILIF menawarkan program pembelajaran dan latihan berkualiti tinggi dan juga menganjurkan seminar dan acara berkolaborasi khususnya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan.

Untuk maklumat lanjut mengenai BILIF, layari laman sesawang BILIF di *www.bilif.com.bn* atau akaun Instagram BILIF, *@BILIF.bn.*



ANTARA para pemimpin dan penceramah tempatan dan antarabangsa yang ikut serta pada Forum Kepimpinan berkenaan.

# Tangani punca pencemaran jerebu rentas sempadan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan**



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan pada sesi bergambar ramai di Mesyuarat Ke-17 Persidangan Ahli-ahli Parti Kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (COP-17), di Singapura.**

**SINGAPURA**, Khamis, 20 Oktober. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid telah menghadiri Mesyuarat Ke-17 Persidangan Ahli-ahli Parti Kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (COP-17) yang berlangsung di Singapura, hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu juga dihadiri oleh Menteri, pegawai dan / atau wakil alam sekitar, tanah, kebakaran hutan dan jerebu, dari Negara Anggota ASEAN, dan juga dihadiri oleh Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat Ke-17 Jawatankuasa di bawah Persidangan Ahli-ahli kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (COM-17) telah terlebih dahulu diadakan.

Mesyuarat mengambil maklum mengenai kajian dan tinjauan keadaan cuaca dan jerebu asap yang dilaporkan oleh Pusat Meteorologi Khas ASEAN, ASEAN Specialised Meteorological Centre, (ASMC).

Di sub-wilayah Mekong, tempoh cuaca kering yang berpanjangan antara Januari dan April 2022 menyumbang kepada peningkatan aktiviti titik panas dan asap jerebu. Keadaan bertambah buruk pada awal hingga pertengahan April 2022.

Walau bagaimanapun, dengan turunan hujan yang berlaku pada akhir bulan April telah mengurangkan kejadian titik panas di kawasan tersebut. Jumlah keseluruhan titik panas di sub-wilayah Mekong adalah sekitar 23 peratus pada 2022 iaitu lebih rendah berbanding 2021 antara Januari dan September.

Turunan hujan lebih banyak didapati dari biasa di banyak bahagian kawasan Selatan ASEAN semasa musim kemarau.

Tempoh keadaan kering yang sering terjadi pada awal hingga pertengahan Ogos 2022 telah membawa kepada peningkatan kawasan panas dan asap jerebu. Walau bagaimanapun, risiko jerebu rentas sempadan kekal rendah bagi rantau ASEAN Selatan.

Kiraan keseluruhan jumlah titik panas bagi rantau ASEAN Selatan adalah sekitar 12 peratus pada 2022, lebih rendah berbanding 2021 antara Januari dan September.

Bermula pertengahan bulan Oktober hingga hujung tahun ini, keadaan La Niña diramalkan berterusan dan fasa negatif IOD dijangka lemah. Aktiviti titik panas dijangka meningkat di sub-wilayah Mekong dengan bermulanya musim kemarau tradisi pada bulan Disember 2022.

Mesyuarat COP Ke-17 juga menyatakan inisiatif ASMC dalam memajukan keupayaan menggunakan *remote sensing* dan sistem *haze dispersion modelling* bagi memantau dan menilai kebakaran dan keadaan jerebu.

ASMC memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Program Pembinaan Keupayaan Serantau ASMC akan dilanjutkan selama lima tahun lagi sehingga 2027, dengan program baharu seperti program latihan di ASMC.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkongsi bahawa Negara Brunei Darussalam mengalami kualiti udara yang baik tanpa asap jerebu rentas sempadan secara berterusan sepanjang tahun lalu.

Akan tetapi, disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu daripada kesan perubahan iklim, Negara-negara Anggota ASEAN perlu bersedia untuk menghadapi kemungkinan kerana perubahan iklim adalah nyata dan telah menunjukkan impak yang jelas.

Ini termasuk meningkatkan usaha pada peringkat kebangsaan dan serantau untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan pencemaran jerebu rentas sempadan.

Mesyuarat juga mengambil maklum maklumat yang dilaporkan oleh Negara Malaysia mengenai penambahbaikan Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran Asia Tenggara (SEA FDRS) yang terdiri daripada tiga elemen, iaitu (i) peningkatan bilangan stesen cuaca (ii) menambah baik kod bahaya kebakaran bagi Utara Asia Tenggara dan (iii) simulasi ramalan tujuh hari.

Mesyuarat selanjutnya mengambil maklum mengenai hasrat Malaysia untuk terus memperhalusi SEA FDRS dan menggalakkan penggunaan terhadap penambahbaikan baharu tersebut.

Mesyuarat merakamkan penghargaan atas pelbagai inisiatif dan tindakan yang dijalankan oleh Negara Anggota ASEAN dan usaha berterusan dalam mengukuhkan keupayaan negara untuk tindakan dan kerjasama serantau dalam penilaian, pencegahan, mitigasi dan pengurusan kebakaran lahan dan / atau hutan serta jerebu.

Mesyuarat tersebut menekankan bahawa walaupun La Nina telah mengakibatkan pencemaran jerebu merentas sempadan yang sederhana pada tahun lalu, mesyuarat menyedari bahawa peningkatan ancaman daripada perubahan iklim seperti kemarau yang lebih kerap atau berpanjangan dan kejadian cuaca ekstrem lain, akan menimbulkan cabaran alam sekitar di seluruh rantau ini.

Mesyuarat bersetuju tentang kepentingan mengambil tindakan tegas untuk meningkatkan kewaspadaan, langkah pencegahan dan prosedur pemadaman kebakaran yang cepat untuk mengurangkan kebakaran lahan dan hutan serta mengurangkan kejadian jerebu rentas sempadan semasa tempoh cuaca kering.

>> Muka 10

# ISLAM GALAK SIKAP JUJUR, AMANAH DALAM BERNIAGA

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Oktober. - Islam amat menggalakkan umatnya berniaga, namun terdapat pelbagai batas syariat yang digariskan dalam Islam dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud "Peniaga yang jujur itu bersama para nabi, siddiqin dan syuhada nanti di syurga". (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Nasyith bin Superi juga turut menggariskan beberapa pengajaran lain daripada Surah Al-Muthaffifin antaranya, kejujuran di dalam kehidupan dan surah berkenaan juga mengajarkan kita dan iman kita akan diuji melalui dengan sifat amanah.

Pada Program Pejuang Fajar yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Muhammad Nasyith dalam tazkirahnya bertajuk 'Taddabur Surah Al-Mutaffifin' kemudian menjelaskan, orang beriman akan memikul amanah dengan sebaik-baiknya, namun mereka yang tidak beriman akan melakukan perbuatan khianat.

"Sesuatu perkara ataupun perbuatan yang dianggap remeh, ada antara kita mungkin menganggapnya sebagai perkara biasa (tidak penting) tetapi belum tentu ia perkara remeh di sisi Allah Subhanahu Wata'ala," katanya.

Jelasnya, walau sedikit mana pun sekiranya si peniaga berkenaan tidak jujur kepada pelanggan ataupun pengguna, tetapi hakikatnya ia merupakan satu jenayah yang berat di sisi Allah dan orang yang melakukan perbuatan berkenaan akan diazab dengan seberat-beratnya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Buatlah apa sahaja yang kamu mahukan, maka kamu akan dibalas mengikut apa yang kamu telah lakukan.

"Apabila kita melakukan sesuatu yang baik, Allah Subhanahu Wata'ala akan membalasnya juga dengan sesuatu yang baik atau yang lebih baik. Apabila kita melakukan sesuatu yang buruk, maka tunggulah azab Allah di akhirat nanti," tegasnya lagi.

Hadir mengimarahkan program anjuran Urus Setia Program Keugamaan Belia (Badan Sukarelawan Belia Da'ie), PDI, di sini, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang; serta Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini, diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi, dipimpin oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie yang mempunyai tauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam pengajaran Al-Quran, iaitu Pengerusi Belia Da'ie, Muhammad Fuad bin Matahir; Bendahari Belia Da'ie, Mohammad Najihuddin bin Nooralizam; dan Exco Penyelidikan dan Inovasi Belia Da'ie, Awang Muhamed Syarif Abbas bin Awang Haji Mohd Zaini.

Seramai 200 orang telah menghadiri program berkenaan yang terdiri daripada para jemputan khas, para pegawai serta kakitangan PDI, para belia Program Keugamaan Belia di bawah KHEU, Muslimah Masjid Perpindahan Lambak Kanan, para jemaah masjid dan Ahli-ahli jawatankuasa Belia Da'ie.

Program berkenaan juga disiarkan secara langsung melalui laman media sosial Instagram Belia Da'ie.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Tujuan program berkenaan diadakan adalah untuk menjalankan peranan Belia Da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah dan amar makruf nahi mungkar di NBD melalui kempen Sembahyang Fardu Subuh dan sebagai medium kesedaran bagi para belia keseluruhannya untuk menunaikan Sembahyang Fardu Subuh.

Selain itu, program berkenaan diharapkan akan dapat mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat, mengajak dan menggalakkan para Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie, sebagai ahli rasmi serta orang awam untuk sentiasa melazimi sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk membaca Surah Al-Kahfi pada setiap Jumaat.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Program Pejuang Fajar anjuran Urus Setia Program Keugamaan Belia (Badan Sukarelawan Belia Da'ie), PDI, yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.**



**PEGAWAI Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Nasyith bin Superi menyampaikan tazkirah, bertajuk 'Taddabur Surah Al-Mutaffifin'.**

# KERJASAMA ANTARABANGSA PERKUKUH KESELAMATAN SIBER

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha juga Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber, Negara Brunei Darussalam menghadiri Singapore International Cyber Week (SICW) dan Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai Keselamatan Siber Kali Ke-7 (AMCC ke-7), yang diadakan di Sands Expo and Convention Centre, Republik Singapura, pada 18 hingga 20 Oktober 2022.

Dengan tema, 'Digital Security - A Shared Responsibility', SICW 2022 dirasmikan oleh Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean.

Majlis perasmian diikuti dengan beberapa siri SICW Ministerial Roundtables, di mana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengambil bahagian sebagai ahli panel, mengenai topik 'Melindungi Masa Depan Digital Bersama'.

Dalam Sesi Ministerial Roundtable, Yang Berhormat berkongsi, bahawa pandemik COVID-19 memberikan banyak pengajaran berharga dengan perlunya mempercepatkan transformasi digitalisasi.

Antaranya ialah keperluan untuk tidak meninggalkan sesiapa pun, memastikan ruang siber yang selamat dan keperluan untuk peraturan baharu bagi dunia yang lebih digital.

Domain digital menjadi sebahagian yang lebih penting dalam kehidupan seharian, di mana ancaman daripadanya menjadi lebih serius dan lebih mencabar.

Ancaman yang bermula dalam domain digital juga boleh memberi kesan pada dunia fizikal dengan cepat.

Domain digital tidak mempunyai sempadan dan oleh itu, kerjasama antarabangsa adalah penting untuk membina rangka kerja teguh yang boleh melindungi ruang siber serta menggalakkan keyakinan dan kepercayaan terhadapnya.

Turut diadakan sebagai sebahagian daripada SICW 2022 adalah Persidangan AMCC Ke-7, pada 20 Oktober 2022.

AMCC adalah dialog di antara Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab ke atas ICT dan Keselamatan Siber untuk membincangkan isu-isu utama keselamatan siber serantau.

Semasa Persidangan ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengalu-alukan kerjasama serantau yang berkembang dan mengukuhkan keselamatan siber sebagai pemboleh pada inovasi, kemajuan dan kemampanan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, seterusnya menekankan mengenai keperluan berterusan untuk membina kapasiti bagi menyusun strategi dan meningkatkan ekosistem keselamatan siber yang bersedia serta berdaya tahan.

Persidangan AMCC Ke-7 juga turut memberi tumpuan pada kemajuan penubuhan ASEAN Regional CERT sebagai satu cara untuk meningkatkan keupayaan keselamatan siber.

Mesyuarat tersebut juga menegaskan semula kepentingan ruang siber yang selamat, stabil dan berdaya tahan sebagai penggerak utama ekonomi digital ASEAN.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber, Negara Brunei Darussalam menghadiri Singapore International Cyber Week (SICW) dan Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai Keselamatan Siber Kali Ke-7 (AMCC ke-7), Republik Singapura.**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut mengambil peluang untuk memerhati serta menyokong Pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang menyertai Singapore Cyber Conquest (SCC), yang diadakan semasa SICW 2022. SCC adalah sebuah program di dalam kalendar SICW, di mana Institut Pengajian Tinggi ASEAN adalah dijemput.

Turut menyertai SICW 2022 dan Persidangan AMCC ke-7 adalah Pesuruhjaya Interim, Cyber Security Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis berserta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

# Sektor Bukan Minyak dan Gas tunjukkan perkembangan positif

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Pada suku kedua (Q2) 2022, aktiviti ekonomi utama yang menyumbang pada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah Sektor Industri, iaitu sebanyak 72.7 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan 26.3 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.0 peratus.

Dari segi Sektor Minyak dan Gas; dan Sektor Bukan Minyak dan Gas pada harga tetap (*constant prices*), Sektor Bukan Minyak dan Gas menunjukkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus, manakala Sektor Minyak dan Gas menurun sebanyak 9.3 peratus.

Penurunan ini menyebabkan pertumbuhan negatif pada KDNK Negara Brunei Darussalam bagi Q2 2022, iaitu sebanyak 4.4 peratus berbanding tahun-ke-tahun.

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa (*current prices*), pada Q2 2022 meningkat sebanyak BND6.3 bilion, berbanding BND4.7 bilion, pada Q2 2021.

Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 56.4 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA).

Sementara itu, Sektor Bukan Minyak dan Gas, di mana termasuk aktiviti hiliran, seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, menyumbang sebanyak 43.6 peratus daripada jumlah KDNK.

Penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 111.1 ribu tong sehari, pada Q2 2021 kepada 94.5 ribu tong sehari, pada Q2 2022.

Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 31.5 juta meter padu sehari, pada Q2 2021 kepada 27.3 juta meter padu sehari, pada Q2 2022.

Penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan serta pemulihan tidak berjadual.

Tambahan lagi, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 852.7 ribu MMBtu sehari kepada 685.4 ribu MMBtu sehari, pada tempoh yang sama, selaras dengan penutupan dan penyelenggaraan tidak berjadual serta pengeluaran gas yang rendah.

Namun yang demikian, Sektor Bukan Minyak dan Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan dalam Subsektor-Subsektor, seperti Hiliran, Pengangkutan Udara, Perhubungan dan Perikanan.

Peningkatan pada aktiviti hiliran adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran metanol sebanyak 20.5 peratus, iaitu daripada 136,921 tan metrik, pada Q2 2021 kepada 164,926 tan metrik, pada Q2 2022.

Ini diikuti oleh kenaikan pengeluaran produk petroleum, terutamanya RON90 dan pengeluaran baharu produk kimia, khususnya baja urea.

Manakala, peningkatan aktiviti Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan penumpang udara, iaitu daripada 1,261 orang, pada Q2 2021 kepada 33,067 orang, pada Q2 2022; dan pelepasan penumpang udara, iaitu daripada 7,617 orang, pada Q2 2021 kepada 37,687 orang, pada Q2 2022, berikutan kelonggaran sukat-sukat aktiviti rentas sempadan.

Bagi Subsektor Perhubungan pula, perkembangan yang positif adalah didukung oleh peningkatan dalam pelanggan internet dan telefon bimbit, iaitu sebanyak 2.5 peratus dan 0.9 peratus masing-masing, berikutan sebahagian agensi kerajaan dan swasta serta institusi-institusi pendidikan yang terus menjalankan dasar *work-from-home.*

Tambahan lagi, peningkatan Subsektor Perikanan adalah disebabkan oleh peningkatan industri penangkapan ikan dan akuakultur, di mana sebab-sebab utama masing-masing adalah aktiviti nelayan secara kecil-kecilan dan keluaran ternakan udang.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK, pada Q2 2022 adalah terutamanya didorong oleh penurunan Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 7.9 peratus tahun-ke-tahun.

Ini diikuti oleh penurunan Perbelanjaan Kapital Swasta dan Kerajaan; dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan.

Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 3.8 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q2 2022 boleh didapati di Laman Sesawang JPES, melalui *deps.mofe.gov.bn.*




| | Q1 2020 | Q2 2020 | Q3 2020 | Q4 2020 | Q1 2021 | Q2 2021 | Q3 2021 | Q4 2021 | Q1 2022 | Q2 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Sektor Minyak & Gas | (4.0) | (1.3) | (5.6) | (8.6) | (5.3) | (4.7) | (5.2) | (4.1) | (9.4) | (9.3) |
| Sektor Bukan Minyak & Gas | 10.6 | 9.7 | 7.8 | 7.4 | 3.4 | 1.5 | 1.7 | 1.5 | 1.4 | 1.0 |
| KDNK | 2.3 | 3.5 | 0.4 | (1.4) | (1.3) | (1.9) | (1.8) | (1.4) | (4.2) | (4.4) |

# Cungkil bakat, tingkatkan kualiti pembacaan Al-Quran





YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir, seterusnya menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran di antara Pegawai-pegawai Masjid Senegara Kali Ke-9 Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, Awang Zulfadhli bin Haji Awang dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok (kiri dan atas).

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Awang Zulfadhli bin Haji Awang dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok, dinobatkan sebagai johan pada Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran di antara Pegawai-pegawai Masjid Senegara Kali Ke-9 Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Johan berjaya memenangi wang tunai berjumlah BND800, Piala Pusingan, Piala Iringan dan sijil penyertaan.

Naib johan pula disandang oleh, Awang Shuif @ Syu'aib bin Haji Abdullah dari Masjid Kampung Sungai Hanching, memenangi wang tunai berjumlah BND600, Piala Iringan dan sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga diraih oleh Awang Hazman Hamizan bin Haji Haminuddin dari Masjid Kampung Telisai, berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah BND400, Piala Iringan dan sijil penyertaan.

Pertandingan yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat selaku Pengerusi Bersama Pertandingan dalam ucapannya, antara lain berkata, pertandingan tersebut merupakan antara projek tahunan bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, dalam usaha memakmurkan masjid dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti berfaedah secara berterusan.

Menurutnya lagi, objektif pertandingan diadakan ialah sebagai salah satu cara bagi mendukung hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebagai sebuah Negara Zikir, di samping untuk menjadikan Rakyat Negara Brunei Darussalam agar Celik Al-Quran.

Tambahnya, ia adalah salah satu usaha untuk menjadikan seni pembacaan Al-Quran itu sebagai amalan harian bagi para Pegawai Masjid khususnya, dalam sama-sama menjadikan masjid itu sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum.

Dengan adanya pertandingan berkenaan, jelasnya, sudah tentu akan dapat mencungkil bakat peserta-peserta bagi meningkat-kan kualiti pembacaan Al-Quran mereka ke tahap yang lebih baik dan sudah setentunya ia akan dapat memupuk minat para peserta agar sentiasa berusaha meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran dari semasa ke semasa.

Seramai 23 peserta, terdiri daripada kalangan Pegawai-pegawai Masjid Senegara menyertai pertandingan, yang berlangsung selama dua hari, bermula 19 Oktober 2022 dan berakhir hari ini.

Pertandingan anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid itu diadakan untuk mempertingkatkan lagi mutu pembacaan Al-Quran bagi Pegawai-pegawai Masjid di Negara Brunei Darussalam, khususnya seni pembacaan Al-Quran secara tilawah atau secara tarannum.

Antara tujuan acara tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan lagi kualiti pembacaan para Pegawai Masjid, iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam, Bilal dan Marbut ke tahap yang lebih baik serta menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan seharian, khususnya kepada para Pegawai Masjid, di samping memupuk semangat keislaman, keimanan dan ukhuwah persaudaraan islamiah dalam kalangan peserta.

Pertandingan juga dihasrat agar para peserta dapat menghayati isi kandungan Al-Quran dan direalisasikan dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara serta menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum.

Semoga dengan adanya pertandingan seumpama ini akan dapat melahirkan Pegawai Masjid yang boleh dijadikan sebagai contoh atau *role model* pada Pegawai-pegawai Masjid yang lain khususnya dan kepada ahli jawatankuasa serta para jemaah masjid, di mana mereka ditugaskan secara umumnya, seterusnya menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

# PUPUK MINAT BERPANTUN DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TUNGKU LINK**, Khamis, 20 Oktober. - Pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) 'B' menjuarai Pesta Pantun Institusi Pengajian Tinggi anjuran bersama UBD dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro Canselor, di sini.

Pasukan UBD 'B' membawa pulang piala pusingan, wang tunai sebanyak BND800 berserta piala dan sijil penyertaan.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Pasukan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan membawa pulang wang tunai sebanyak BND600, piala dan sijil penyertaan manakala Pasukan UBD 'A' mendapat tempat ketiga dan membawa wang tunai sebanyak BND400, piala dan sijil penyertaan.

Terdahulu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah dalam ucapannya berkata bahawa Pesta Pantun ini dilaksanakan dengan objektif untuk memupuk minat berpantun dalam kalangan generasi muda khususnya pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini, di samping meningkatkan kesedaran mereka mengenai pentingnya mendalami dan menghayati tradisi Melayu yang telah wujud zaman-berzaman.




"Ia juga dianjurkan dengan hasrat untuk memperkasa dan memartabatkan bahasa Melayu selain daripada memperhebatkan lagi usaha-usaha ke arah mengekalkan budaya tak ketara (Intangible Culture).

"Tarikh 17 Disember 2020 adalah detik bersejarah apabila pantun telah berjaya disenaraikan oleh UNESCO sebagai 'Representative List of Intangible Cultural Heritage of Humanity' susulan permohonan bersama yang dikemukakan oleh Malaysia dan Indonesia kepada UNESCO," jelas Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza.

Dalam masa yang sama, TYT juga menjelaskan bahawa Pesta Pantun ini dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD sebagai memenuhi sebahagian objektif Diplomasi Budaya seperti yang terkandung dalam Kerangka Dasar Luar Negeri Malaysia.

Menurut TYT, penganjuran Pesta Pantun ini melambangkan kerjasama erat antara Malaysia dan NBD dalam memperkukuh dan melestarikan seni bahasa, sastera dan budaya agar ia terus menjadi warisan serumpun yang harus kita junjung dan banggakan.

TYT seterusnya menjelaskan bahawa pantun merupakan salah satu genre asli kesusasteraan



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan hadiah kepada Ketua Pasukan UBD 'B' johan Pesta Pantun Institusi Pengajian Tinggi anjuran bersama UBD dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (atas), sementara gambar bawah kiri, antara pasukan yang bertanding.

menjadi wahana bagi pengucapan dalam pelbagai aktiviti kehidupan masyarakat.

Pantun adalah cerminan pemikiran, akal budi serta falsafah bangsa Melayu yang terangkum dalam nilai estetika budaya Melayu sebagai penutur yang berhemah bagi menyampaikan maksud tertentu.

TYT seterusnya berkata, ia menjadi wadah cipta khususnya bagi bangsa Melayu yang mengandungi jiwa, rasa, kebijaksanaan, kesaksamaan dan budi bahasa Melayu.

Winstedt pernah berkata, "Tak ada sesiapa pun yang dapat mengagak keluasan pemikiran orang Melayu tanpa memahami pantunnya". (1999 : 166)

Ini adalah satu pengakuan yang memperlihatkan kehebatan pemikiran dan adab orang Melayu dari kaca mata Inggeris.

"Jika berada di Malaysia, setiap tahun yang saya nanti-nantikan ialah Perhimpunan Agung Parti UMNO. Kenapa? Satu hal yang sangat ketara di mana-mana Perhimpunan Agung UMNO ialah para pembahas atau delegasi yang berucap pasti akan menggunakan pantun sebagai wadah penyampaian hasrat, sindiran dan teguran," TYT.

Pertandingan ini dibukakan kepada empat buah Institusi Pengajian Tinggi, iaitu UBD, UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Turut hadir, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Rektor UNISSA Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

# PENTINGNYA MENJAGA KESIHATAN MENTAL

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman, Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dalam ucapan alu-aluannya mengenai Bengkel Komunikasi Kesihatan Mental Kebangsaan menekankan, bahawa untuk sekian lama, topik mengenai kesihatan mental dielakkan kerana stigma dan kekurangan pengetahuan atau pemahaman tentang isu-isu kompleks berkaitan kesihatan mental.

Sebagai masyarakat, jelas Yang Berhormat, kita harus bekerjasama di antara satu sama lain untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan mental yang baik, di mana komponen penting dalam membina kesedaran ialah mempunyai keupayaan untuk membincangkan kesihatan mental dengan cara yang bermanfaat dan positif.

Terdahulu, Yang Berhormat mengetengahkan kepentingan untuk menjaga kesihatan mental dan kesejahteraan yang baik menjadi semakin ketara, terutamanya dalam beberapa tahun kebelakangan ini semasa wabak COVID-19.

Ketika kita semua menghadapi cabaran untuk menangani risiko kesihatan global, jelas Yang Berhormat, implikasi kesihatan mental menjadi kebimbangan yang semakin mendesak.

Jelas sekali, bahawa kesihatan mental yang baik adalah penting, bukan sahaja untuk kesejahteraan diri masing-masing, tetapi ia juga penting untuk kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat kita.

"Kami mengambil perhatian dengan kebimbangan, bahawa terdapat peningkatan 25 peratus dalam kadar kes kemurungan dan kebimbangan yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pada tahun pertama pandemik COVID-19.

"Kesepian, ketakutan terhadap jangkitan, kehilangan dan kebimbangan kewangan, antara faktor lain yang menyumbang pada peningkatan kemurungan dan kebimbangan ini," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, pandemik juga menyebabkan dan meningkatkan masalah kesihatan mental, dalam kumpulan berisiko tinggi, seperti pekerja penjagaan kesihatan.

Menurut Yang Berhormat lagi, satu tinjauan lengkap dalam kalangan pekerja penjagaan kesihatan di Brunei semasa wabak tersebut mendapati, bahawa hampir satu perempat daripada pekerja penjagaan kesihatan kerajaan mengalami kebimbangan dan kemurungan.

Di samping itu, Talian Harapan 145, yang merupakan talian bantuan kesihatan mental yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan juga menerima peningkatan bilangan panggilan dari tahun ke tahun sejak memulakan perkhidmatan pada 2019.

Ini menunjukkan peningkatan jumlah mereka yang mendapatkan bantuan untuk masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat kita.

Justeru, terang Yang Berhormat, bengkel tersebut bertujuan untuk meningkatkan komunikasi mengenai kesihatan mental di antara individu dan kumpulan dalam masyarakat kita.

"Adalah menjadi harapan kami, bahawa dengan membolehkan perbincangan positif tentang kesihatan mental, kita semua boleh bekerjasama untuk memudahkan bercakap dan untuk mencari sokongan yang kita perlukan untuk menambah baik serta melindungi kesihatan mental kita," jelas beliau lagi.

Sesungguhnya, tambah Yang Berhormat lagi, bercakap tentang kesihatan mental sepatutnya datang dengan mudah dan semula jadi, seperti bercakap tentang kesihatan fizikal kita.

Yang Berhormat dalam pada itu, turut melahirkan penghargaan kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan majlis tersebut dan kepada para peserta yang meluangkan masa serta usaha untuk hadir menyertai bengkel berkenaan.

Yang Berhormat dengan berbesar hati mengalu-alukan penyertaan para peserta ke Bengkel Komunikasi Kesihatan Mental Kebangsaan pertama, yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Everymind Australia.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih, terutamanya kepada Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold dan rakan-rakan beliau kerana memberikan bantuan yang berharga kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha kementerian untuk meningkatkan kesihatan mental, di negara ini.

"Dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Everymind Australia atas perkongsian mereka dan Dr. Hilda Ho, Pengerusi dan Ahli Jawatan Kuasa dalam menganjurkan acara hari ini," ucap Yang Berhormat lagi.

# Utamakan kesihatan mental, kesejahteraan diri sendiri



KEMENTERIAN Kesihatan, melalui gabungan tenaga kerja Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Bahagian Psikologi Masyarakat dan Psikologi Klinikal, Unit Strategi Kesihatan Mental di Pusat Promosi Kesihatan berjaya melaksanakan bengkel, bertajuk 'Komunikasi Kesihatan Mental' secara maya.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Kementerian Kesihatan, melalui gabungan tenaga kerja Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Bahagian Psikologi Masyarakat dan Psikologi Klinikal, Unit Strategi Kesihatan Mental di Pusat Promosi Kesihatan berjaya melaksanakan bengkel, bertajuk 'Komunikasi Kesihatan Mental' secara maya, di sini.

Bengkel merupakan anjuran bersama di antara Kementerian Kesihatan dengan Everymind, yang merupakan sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) terkemuka di Australia melalui salah satu program mereka, bertajuk 'Mindframe', iaitu satu program kebangsaan yang menyokong pelaporan media yang selamat, penggambaran dan komunikasi tentang bunuh diri dan kecelaruan mental.

Bengkel tersebut dihadiri oleh lebih daripada 90 peserta dari pelbagai sektor kerajaan dan swasta, termasuk pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli media, pemimpin dan kaunselor sekolah, ahli-ahli perkhidmatan kaunseling swasta, pegawai-pegawai bank, syarikat-syarikat telekomunikasi serta beberapa NGO.

Pengambilan utama dan pendapatan dari perbincangan yang diadakan pada bengkel tersebut menekankan kepentingan kesedaran kesihatan mental dalam kalangan ahli keluarga, warga sekolah, tempat kerja dan dalam komuniti untuk mengurangkan stigma serta meningkatkan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menyeru dan menggalakkan Rakyat serta Penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mengutamakan kesihatan mental dan kesejahteraan diri sendiri serta ahli-ahli keluarga serta rakan-rakan sebagai satu tanggungjawab bersama.

Bengkel berkenaan merupakan salah satu daripada aktiviti yang diungkayahkan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022, di mana pada tahun ini membawa tema, 'Jadikan Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Diri untuk Semua - Keutamaan Global'.

Selain itu, bengkel tersebut juga merupakan salah satu aktiviti yang menyokong matlamat ini dengan melatih dan meningkatkan kaedah menyampaikan mesej berkenaan dengan kesihatan mental secara selamat serta berkesan, sambil menangani stigma yang berkaitan dengan perbincangan tentang masalah kesihatan mental.

# Tangani punca pencemaran jerebu rentas sempadan

Siaran Akhbar : Kementerian Pembangunan

>> Muka 7

komitmen dari negara-negara parti ke arah pelaksanaan yang berkesan terhadap Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan, The ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP) serta menyediakan Peta Jalan baharu Kerjasama ASEAN ke arah Kawalan Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (Peta Jalan Bebas Jerebu), Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation (Haze-free Roadmap) 2022-2030 dan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN baharu, ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2022-2030.

Mesyuarat berharap untuk memperkukuh dan mempergiatkan lagi usaha kerjasama di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa melalui penggunaan Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu dan APMS baharu untuk menangani secara menyeluruh punca pencemaran jerebu rentas sempadan dan meneruskan konteks menyeluruh bagi pembangunan yang berdaya tahan di rantau ini.

Mesyuarat tersebut mengambil maklum mengenai Pasukan Petugas ASEAN Tanah Gambut, ASEAN Task Force on Peatlands (ATFP) dan Jawatankuasa di bawah Persidangan Ahli-Ahli Parti Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (COM) untuk memanfaatkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dan menekankan bahawa beberapa cabaran pencemaran jerebu merentas sempadan boleh ditangani dengan lebih baik dengan dengan tahap komitmen dan pelaburan yang lebih tinggi.

Mesyuarat mengalu-alukan pembangunan Rangka Kerja Pelaburan untuk Bebas Jerebu, Pengurusan Tanah Yang Berdaya Tahan di Asia Tenggara dan mengutamakan tindakan peringkat kebangsaan dan serantau mengenai pengurangan jerebu dan membolehkan aliran dana dan peluang untuk pembangunan program dan projek bersama dalam kalangan Negara Anggota ASEAN dan pihak berkepentingan lain.

Mesyuarat menantikan penyelesaian terhadap Perjanjian Penubuhan dan Perjanjian Negara Tuan Rumah bagi Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan, the ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control (ACC THPC) dan operasi pusat tersebut di Indonesia.

Mesyuarat menggariskan bahawa ACC THPC yang lengkap akan membantu untuk melaksanakan penyelarasan dan pelaksanaan yang lebih pantas dan berkesan bagi semua aspek di bawah AATHP dengan semua pihak yang berkaitan, termasuk melalui penyelarasan yang berkesan bagi menangani masalah pencemaran jerebu rentas sempadan, dan menggalakkan pengurusan hutan lestari dan pemuliharaan tanah gambut.

Mesyuarat juga mengiktiraf sumbangan Interim ACC THPC, termasuk mengenai penyatuan dan analisis data pemantauan jerebu negara sementara menunggu penubuhan ACC THPC.

Mesyuarat menghargai kerjasama dengan pelbagai rakan kongsi dalam melaksanakan program jangka panjang iaitu Penggunaan Lestari Tanah Gambut dan Pengurangan Jerebu di ASEAN, Sustainable Use of Peatland and Haze Mitigation in ASEAN (SUPA) dan Measurable Action for Haze-Free Sustainable Land Management in Southeast Asia (MAHFSA).

Mesyuarat juga menggariskan keperluan perkongsian dengan Rakan Kongsi ASEAN dan pihak luar lain yang berterusan untuk memudahkan pencegahan, pemantauan, kesiapsiagaan dan tindak balas yang lebih baik terhadap lahan dan / atau kebakaran hutan melalui rangka kerja kerjasama peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau yang kukuh.

Mesyuarat mengambil maklum mengenai laporan Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri bagi Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution (MSC) dan the Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution in the Mekong Sub-Region (MSC Mekong) dalam mengesahkan komitmen yang perlu dilaksanakan oleh negara-negara anggota untuk membuat persiapan bagi menghadapi musim kemarau yang akan datang dan menangani isu berkaitan jerebu yang berlaku di sub-rantau masing-masing.

Mesyuarat Ke-18 Persidangan Ahli-ahli Parti Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan akan diadakan pada 2023 di Laos PDR, sejurus selepas Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Alam Sekitar Ke-17.

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Pasukan Polis Diraja Brunei





CERAMAH disampaikan oleh penceramah undangan, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Oktober. - Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengendalikan Majlis Ceramah Ugama bersempena menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Surau Polis Gadong, PPDB, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir para pengarah, Penguasa Polis, Mohamad Amirruddin bin Haji Tunjang selaku Pengerusi BUI, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, keanggotaan dan kakitangan awam PPDB.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Kemudian majlis diteruskan dengan ceramah bertajuk 'Cara-cara Memperolehi Syafaat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

Antara inti pati ceramah menyingkap akan peranan umat Islam agar sentiasa mengingati Baginda pada setiap masa dengan memperbanyakkan amalan selawat serta beramal dengan sunnahnya.

Ini sangat penting kerana di Padang Mahsyar kelak, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan menjadi tumpuan seluruh umat manusia untuk mendapatkan syafaat daripadanya.

Ini kerana manusia ketika itu berada dalam kebingungan dan ketakutan. Maka, mereka akan mencari orang yang dapat membela mereka di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala. Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Sayyidul Istighfar.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Ugama bersempena menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas dan kiri), sementara gambar bawah, para pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, keanggotaan dan kakitangan awam PPDB.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



## Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Oktober. - Mengenali Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah langkah asas dan dasar untuk menjadikan Baginda sebagai suri tauladan.

Pengiran Abdul Basit bin Pengiran Haji Zaini dari Anwar Al Hudaa Centre seterusnya menjelaskan, tidak mungkin dapat menjadikan seseorang sebagai ikutan tanpa mengenali dan memahami keperibadiannya.

"Dari itulah Al-Quran mengkhabarkan kita bahawa pada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam contoh dan suri tauladan yang terbaik," ujarnya semasa menyampaikan Ceramah Ugama sempena Maulidur Rasul 1444 Hijrah, Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH (SV) yang berlangsung di pusat berkenaan, hari ini.

Dalam ceramah yang bertajuk, 'Rasulullah Qudwah Hasanah Panduan Kehidupan Ummah', beliau seterusnya menjelaskan, pelajari, dalami dan ikuti keperibadian, sifat-sifat dan akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang indah dan mulia, semoga dengan syafaat Baginda, hidup kita akan menjadi lebih tenang, bahagia dan selamat dunia dan akhirat.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Musala Ar-Raudah, SV itu dimulakan dengan membaca Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar seluruh penduduk dan negara akan bebas dan terlepas daripada bahaya bala dan wabak berbahaya.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Pusat Serantau SV, Awang Alias bin Haji Abu Bakar, Timbalan Pengarah, pihak pengurusan, pegawai dan kakitangan Pusat Serantau SV.

Majlis juga diserikan dengan dendangan Tausyeh dan Dikir Marhaban dari Kumpulan Anwar Al Hudaa.



PENGARAH Pusat Serantau SV, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dan antara yang hadir mendengarkan Ceramah Ugama sempena Maulidur Rasul 1444 Hijrah, Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH (SV), disampaikan Pengiran Abdul Basit bin Pengiran Haji Zaini dari Anwar Al Hudaa Centre (atas kiri, kiri dan atas).

# PENGAJARAN BERKUALITI DALAM BAHASA INGGERIS, MATEMATIK

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**KATOK**, Rabu, 19 Oktober. - Seramai 68 orang terdiri daripada Lead Trainers, Senior Coaches dan Coaches dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerima sijil dan lapel pin masing-masing pada Majlis Akreditasi Program Bimbingan Literasi dan Numerasi (LNCP), bagi Tahun 2022, yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di sini.

Daripada jumlah tersebut, tiga Lead Trainers dan 16 Senior Coaches dari Kementerian Pendidikan, dua Senior Coaches dari KHEU manakala 45 Coaches dari Kementerian Pendidikan dan dua Coaches dari KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan lapel pin ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Ketua LNCP, Kementerian Pendidikan, Dayang Fatmah binti Haji Besar dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa peranan utama Lead Trainers adalah memastikan latihan profesional Coaches dapat dilaksanakan secara berterusan manakala bagi Senior Coaches pula, berperanan utama bagi melaksanakan aktiviti mentoring bagi Coaches dalam membantu dan menyokong peningkatan kualiti serta standard bimbingan yang dilaksanakan.

Selain itu, tambahnya, mereka juga membantu kluster bagi menyelaras TfM 8-week PD Cycle dan memberikan sokongan dalam Cluster-Wide Literacy and Numeracy Improvement.

Manakala Coaches pula jelasnya, berperanan dalam membantu sekolah bagi meningkatkan tahap literasi dan numerasi melalui pelaksanaan latihan profesional di sekolah dan bimbingan secara *one to one* kepada *learning partners.*

Menurut beliau, dengan pengiktirafan tersebut, jumlah Lead Trainers telah meningkat dari lima orang kepada lapan orang manakala jumlah Coaches telah meningkat dari 146 orang kepada 193 orang.

"Peningkatan ini hampir mencapai hasrat Kementerian Pendidikan dalam memastikan setiap sekolah mempunyai seorang Coach Literasi dan seorang Coach Numerasi. Ini adalah bagi menyokong pengajaran berasaskan penguasaan atau Teaching for Mastery.

"Selain itu, Coaches ini adalah pakar rujuk kepada sekolah dalam hal pengajaran dan enam pembelajaran literasi Bahasa Inggeris dan Matematik," ujarnya.

Dayang Fatmah seterusnya berkata, sejak bermulanya LNCP, dapat melihat peningkatan pencapaian TPA oleh guru-guru Bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan khasnya bagi Learning Partners.

"Dengan peningkatan dalam pencapaian TPA tersebut, kita percaya ia akan memberikan impak yang positif terhadap pembelajaran dan pemerolehan ilmu penuntut-penuntut khususnya dalam literasi Bahasa Inggeris dan matematik insyaaAllah.

"Pencapaian ini berhasil diperoleh kerana adanya sokongan yang kuat di pelbagai peringkat di dalam Kementerian Pendidikan termasuk di peringkat Kluster dan pada peringkat sekolah," terang beliau.

Semasa majlis tersebut, beberapa pembentangan secara *virtual* disampaikan oleh Dr. Awang Haji Ade Shahren bin Haji Suhaili (Lead Trainer dari Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam - BDLTA); Dayang Nur Zurina binti Abdullah Langkan (Senior Coach dari Kluster 5) dan Dayang Nurul Atikah binti Madani (Coach dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri, Kluster 2) yang masing-masing menyampaikan tajuk pembentangan 'Embedding TfM through Coach Training', 'Embedding TfM at Cluster Level' dan 'Embedding TfM at School Level'.

Majlis Akreditasi ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai-pegawai dan tenaga-tenaga pengajar yang berjaya dalam latihan sebagai Lead trainers, Senior Coaches dan Coaches dengan cara meraikan bersama pencapaian mereka di samping untuk memberi motivasi dan menaikkan semangat mereka dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Majlis ini juga diadakan sebagai satu langkah untuk memastikan peningkatan pembangunan sumber manusia di semua peringkat untuk mencapai matlamat strategik LNCP iaitu memastikan pengajaran yang berkualiti dalam Bahasa Inggeris dan Matematik; pelajar yang berkeupayaan tinggi dalam Matematik dan literasi Bahasa Inggeris; serta mempunyai sistem berkesan untuk meneruskan penambahbaikan yang mampan dalam peningkatan literasi dan numerasi dan perubahan transformasi dalam pengajaran literasi dan numerasi di seluruh sekolah di Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, pengarah-pengarah, ketua-ketua kluster, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan KHEU.



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Akreditasi Program Bimbingan Literasi dan Numerasi (LNCP), bagi Tahun 2022.**





**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan semasa menyampaikan sijil kepada para penerima (kiri dan kanan).**

# OU raikan pelajar tamat program OUICP-HaSTI

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Seramai tujuh pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD); 15 pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); empat pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan dua pekerja profesional telah mengadakan Majlis Konvokesyen secara maya selepas berjaya menamatkan Program Sijil Antarabangsa yang ditawarkan oleh Universiti Osaka (Osaka University - OU).

Program Antarabangsa Universiti Osaka : Sains Halal, Teknologi dan Inovasi (The Osaka University International Certificate Programme (Halal Science, Technology and Innovation) - OUICP-HaSTI) merupakan program yang dijalankan selama 10 bulan, iaitu dengan menghadiri kuliah secara dalam talian dan juga menjalani dua bulan penempatan di OU.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh OU Jepun dan dianjurkan bersama oleh kakitangan daripada tiga buah institusi pengajian tinggi (IPT) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis juga turut mengalu-alukan kehadiran kumpulan pelajar seterusnya yang akan mengikuti program berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Juga hadir, Naib Presiden Eksekutif Global Engagement, OU, Profesor Dr. Genta Kawahara; Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; dan Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Dr. Haji Azman dalam ucapannya berkongsi mengenai kerjasama antara OU dan IPT di NBD yang telah berjalan dengan sangat baik sejak ia bermula pada tahun 2017 dan apabila diperhatikan, kemajuan berkenaan di luar jangkaan.

**>> Muka 13**



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Konvokesyen bagi Program Sijil Antarabangsa, yang ditawarkan oleh Universiti Osaka (Osaka University - OU) secara maya.**

# CONTOHI AKHLAK RASULULLAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Antara akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan isteri Baginda ialah dengan berbincang-bincang bersama mereka, mencium isteri Baginda sebelum keluar rumah dan memberikan pujian kepada isteri Baginda.

Di samping itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga membantu mengerjakan pekerjaan di rumah, mandi bersama isteri dan menanam sikap *husnuzhon* kepada isteri Baginda.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati ceramah sempena Maulidur Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Harapandi bin Dahri, di Masjid Pehin Dato Imam Haji Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer, di sini.

Juga dikongsikan semasa ceramah berkenaan bagi masjid, surau dan balai ibadat Zon 1 Daerah Brunei Muara bagi Tahun 1444H / 2022M ialah bagaimana Baginda mengutamakan kebaikan daripada kesalahan yang dilakukan, tidak bosan memberikan nasihat, tidak pernah memukul isteri Baginda dan berpenampilan baik di depan isteri Baginda.



**PENOLONG Kanan Profesor, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Harapandi bin Dahri semasa menyampaikan ceramah.**

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Program ceramah berkenaan diadakan adalah bagi memeriahkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, dengan tujuan untuk mengenang kembali perjalanan kehidupan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam meneladani keperibadian Baginda yang luhur lagi mulia serta melihat semula kepada perjuangan Baginda dalam mensyiarkan Islam.

Acara berkenaan juga diadakan sebagai menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping memberi kefahaman dan minat terhadap sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, acara berkenaan juga dihasratkan untuk menggalakkan penglibatan Muslimah dalam menghadiri program keugamaan di masjid sekali gus menanamkan rasa cinta dalam diri mereka untuk memakmurkan masjid.



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi peranan masjid sebagai pusat menimba ilmu serta mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan Muslimah masjid.

Semoga dengan adanya majlis seumpama berkenaan diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kecintaan para Muslimah terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya dapat mencontohi keperibadian Baginda agar dapat menjadi Muslimah yang beriman dan berakhlak.

# OU raikan pelajar tamat program OUICP-HaSTI

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

>> Muka 12

Dr. Haji Azman turut mengingatkan kepada semua IPT supaya menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Hafl Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-12 pada Ogos tahun ini.

"Bagi Sektor Pertanian dan Produk Halal, penyelidikan diperlukan. Penyelidikan akan merangkumi kajian fizikal bahan sebenar, seperti spesimen segar atau yang diawet.

"Ujian akan dijalankan di makmal yang melibatkan peralatan dan bahan kimia melalui analisis patuh disiplin dan piawaian yang diiktiraf.

"Saya berharap akan dapat melihat kerjasama penyelidikan ini untuk memberi sumbangan ke arah memperkasa serta mengukuhkan industri pertanian dan halal di negara ini," kata Dr. Haji Azman.

OUICP-HaSTI merupakan program pendidikan yang dimulakan oleh Kampus ASEAN OU dengan kerjasama rakan sejawatan mereka di negara ASEAN.

OU mengeluarkan sijil apabila berjaya menamatkan program dalam bidang tertentu dengan memperolehi enam hingga lapan kredit.

Program berkenaan bertujuan untuk menyumbang kepada penyelesaian isu di rantau ASEAN sambil memberi tumpuan kepada keperibadian masyarakat dan budaya setiap negara, membangunkan infrastruktur untuk memberi manfaat kepada masyarakat tersebut melalui pendekatan antarabangsa yang inovatif seperti penciptaan bersama dengan industri, kerajaan, ahli akademik, dan komuniti dengan memupuk sumber manusia global yang maju dalam bidang kejuruteraan bio, fizik gunaan, penyakit berjangkit, kejuruteraan alam sekitar, sains halal, biodiversiti dan sumber bio, serta bahasa dan budaya Jepun.

Seramai 28 pelajar mempelajari beberapa kursus di bawahprogram berkenaan termasuk Sains Halal, Matlamat Pembangunan Mampan, Teknologi Termaju untuk Halalan-Toyyiban, Inovasi Produk dan Perkhidmatan untuk Halalan-Toyyiban.

Pada akhir program, mereka dikehendaki untuk menjalankan kajian amali di luar negara selama lapan minggu dan buat pertama kalinya, diadakan secara bersemuka.

Di bawah program berkenaan, pelajar diajar oleh ahli akademik daripada empat buah universiti penganjur, iaitu OU; UBD; UNISSA dan UTB serta dua pensyarah jemputan dari Chiba University of Economics dan NPO-Japan Halal Association.

Para pelajar juga berpeluang untuk menjalankan penempatan mereka di luar negara di OU, bekerja rapat dengan profesor, mempunyai pengalaman kerja makmal menggunakan kemudahan terkini dan lawatan lapangan industri.

Majlis berkenaan juga turut mengalu-alukan seramai 16 orang pelajar baharu pengambilan OUICP 2022 yang terdiri daripada empat pelajar dari UBD, lapan pelajar dari UNISSA, tiga pelajar UTB dan seorang pekerja profesional.

Beberapa perkongsian daripada para pelajar yang telah mengikuti program tersebut dan salah seorang daripadanya ialah Anis Nadiah Abdillah yang merupakan pelajar Sarjana Sains (Penyelidikan) dalam Bioteknologi, UBD.

Menurut beliau, mereka menganggap OUICP ini sebagai kunci yang membuka ruang kepada pembangunan, baik dari segi akademik mahupun peribadi. Melalui program ini, mereka dapat berlatih dan bekerja secara kolaboratif di makmal OU.

Mereka belajar untuk mengatasi halangan bahasa, membina rangkaian serta mengembangkan ketangkasan dan kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan.

Menurut Nurul Afiqah binti Haji Yahya iaitu salah seorang pelajar Sarjana Sains Halal, UNISSA, tidak dinafikan bahawa OUICP telah memberi impak yang besar kepada kehidupan mereka dalam pelbagai aspek, menjadikan mereka lebih berdikari, yakin, tabah, berdisiplin dan berazam untuk masa depan.

"Alhamdulillah, OUICP telah membuka mata dan minda kami untuk merenung arus sistem dalam industri halal Brunei," katanya lagi.

Manakala bagi Muhammad Nur Hisyam Zufri iaitu penerima Anugerah Khas Kertas Reaksi Hebat, UNISSA, anugerah tersebut sangat bermakna bagi beliau kerana ia meningkatkan keyakinan diri dan memotivasikan keupayaannya untuk menulis dan menghasilkan lebih banyak kertas penyelidikan.

"Dan akhir sekali, saya dengan rendah hati ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada OU kerana memberikan saya anugerah khas ini juga kepada PPHT kerana memberi sokongan kepada saya sepanjang program OUICP ini. Terima kasih banyak!," katanya lagi.

Bagi Dk. Nur Radhiah binti Pengiran Haji Abd. Rahman, pelajar Sarjana Sains (mengikut Kerja Kursus) Pengurusan dan Teknologi, UTB, OUICP telah mengajar mereka, warga UTB untuk melihat dan mempelajari sesuatu, melihat gambaran yang lebih besar dan daripada pandangan yang berbeza.

Ini juga jelasnya telah membantu mereka melakukan sesuatu yang di luar jangkaan walaupun tidak berasal daripada latar belakang Sains atau halal.

"Pendedahan program ini, terutamanya Pengajian Praktikal Luar Negara (PSA) di Osaka, Jepun, memberikan kami kefahaman sebenar tentang halal dan secara peribadi mendorong kami untuk bersedia masa depan dan berani membuat perubahan. Kebolehan baharu telah terbuka dan terima kasih kepada OU dan universiti tempatan lain kerana menawarkan program mengubah permainan," ujarnya lagi.

Begitu juga bagi Chin Yee Ling, wakil pekerja profesional, mereka dapat memerhatikan norma di Jepun yang mungkin sesuatu yang baharu bagi mereka dan itulah jangkaan OU apabila memperkenalkan program ini.

"Saya percaya kini terpulang kepada kami untuk memanfaatkan pengetahuan baharu itu dan memupuknya untuk memperkayakan lagi industri kita agar untuk berdaya saing di peringkat global pada masa hadapan," jelasnya lagi.



PELITA BRUNEI

# Sedekah amalan terpuji




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Hud, ayat 6 :

**Tafsirnya** : "*Dan tidak ada satu pun makhluk yang melata di bumi melainkan Allah yang menjamin rezekinya dan mengetahui tempat menetap dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tertulis di dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz)*".

Rezeki adalah antara perkara yang menjadi rahsia Allah Subhanahu Wata'ala. Tidak ada seseorang pun di dunia yang fana ini mengetahui tentang rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya sama ada banyak ataupun sedikit. Namun, apa yang pasti ialah
setiap makhluk yang hidup di atas muka bumi ini telah dijamin rezekinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya rezeki ini tidak hanya menjurus pada wang ringgit semata-mata tetapi pengertiannya amat luas sekali dan setiap manusia itu dikurniakan rezeki dengan bentuk yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Perlu diketahui, bahawa sihat tubuh badan itu adalah rezeki, mempunyai keluarga yang bahagia itu rezeki, dikurniakan anak itu juga rezeki, mempunyai tempat untuk berteduh itu rezeki, dikelilingi oleh orang yang baik-baik itu juga adalah satu rezeki.

Hakikatnya, Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita semua orang yang kaya dengan rezeki yang tersendiri, namun terkadang kita sendiri seakan-akan tidak nampak dan kurang menyedarinya. Ini kerana kita selalu merasakan bahawa rezeki itu hanya dalam bentuk wang ringgit dan material sahaja.

Apabila Allah Subhanahu Wata'ala memberi kita harta dan rezeki yang lebih, ia bukanlah untuk kita bermegah-megah dan mewah berbelanja, akan tetapi untuk kita lebih memberi. Ini kerana dalam setiap rezeki atau harta yang kita peroleh itu terdapat juga hak orang lain di dalamnya.

Rezeki harta yang kita peroleh bukan hanya digunakan untuk kepentingan diri kita sendiri akan tetapi ia juga boleh juga dimanfaatkan atau diinfakkan ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan cara bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat, berwakaf dam seumpamanya.

Dalam agama Islam, kita amat digalakkan untuk bersedekah dan bantu-membantu antara satu sama lain. Anjuran membelanjakan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala ada dijelaskan dalam Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 10 :

**Tafsirnya** : "*Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu sebelum kematian datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata : "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh*".

Agama kita menggalakkan umatnya untuk sentiasa bersedekah. Membiasakan diri dengan bersedekah adalah kunci utama diperluaskan rezeki oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana semakin banyak wang, harta, ilmu ataupun khidmat yang disedekahkan maka akan bertambahlah rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Sesungguhnya pahala dan keutamaan bersedekah itu sangat besar dan banyak. Ini jelas terbukti dengan banyaknya dalil dari Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang banyak menyebutkan tentang ganjaran dan kelebihan bersedekah, antaranya :

**Pertama** : Mendinding diri daripada api neraka. Daripada Adi bin Hatim Radiallahuanhu, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Jagalah kalian dari neraka sekalipun dengan (bersedekah) sebutir kurma*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Kedua :** Allah Subhanahu Wata'ala akan akan mengganti harta orang yang bersedekah.

**Ketiga** : Pahala sedekah jariah itu sentiasa mengalir walaupun setelah ia meninggal dunia.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga hal, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Bersedekah bukanlah suatu amalan yang boleh dipaksa. Oleh itu, cukuplah kalau kita bersedekah dengan sesuatu yang mudah biarpun nilai atau kadarnya sedikit, bahkan jangan sekali-kali barang atau nilai yang sedikit itu menghalang kita untuk bersedekah. Ini kerana biarpun sedikit ia tetap bernilai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketahuilah, bahawa sedekah itu mencakupi pelbagai bentuk bantuan, pertolongan dan sesuatu yang menggembirakan atau yang kita berikan kepada saudara mara, rakan taulan atau sesiapa sahaja. Sesungguhnya senyuman yang menggembirakan orang lain pun dianggap sebagai satu sedekah, menghalalkan atau melepaskan hutang adalah sedekah, setiap perkataan yang baik adalah sedekah, membuang sesuatu yang berbahaya di jalan adalah sedekah, setiap amalan dan perbuatan makruf juga adalah sedekah.

Ingatlah wahai kaum Muslimin, inilah keuntungan bagi orang-orang yang bersedekah. Oleh itu, orang-orang yang enggan bersedekah, yang takut atau tidak mahu hartanya berkurang, mereka sebenarnya berada dalam kerugian yang bukan sedikit tetapi sangatlah besar.

Ini kerana dengan bersedekah kita boleh menikmati ganjaran yang begitu banyak dengan mudah dan berlipat ganda dari apa yang telah kita keluarkan, maka rebutlah peluang keemasan ini. Sesungguhnya bersedekah itu umpama suatu pelaburan yang tidak akan mengalami kerugian walau sedikit pun, bahkan ia adalah sangat menguntungkan.

Alhamdulillah, pada ketika ini Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dibukakan kepada orang ramai mulai 14 Mac 2022 yang lalu hingga 13 Disember 2022.

SMS ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfakkan dan membelanjakan harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya pembinaan masjid merupakan satu ibadah yang besar pahalanya. Justeru, segala sumbangan membiayai dan membina bangunan masjid merupakan satu pelaburan amal atau saham akhirat. Perkara ini selaras dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Siapa yang membina masjid kerana Allah sekali pun hanya seperti sarang burung atau lebih kecil maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga*". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Akhirnya, mudah-mudahan segala yang kita sedekahkan dan infakkan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya** : "*Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui*". (Surah Al-Baqarah, ayat 261)

# Tingkatkan ilmu dalam pengurusan jenazah



**SERAMAI 37 peserta dalam kalangan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyertai Program Fardu Kifayah : Pengurusan Jenazah, yang antara lain bertujuan memberikan pengetahuan dan pendedahan secara praktikal kepada alumni UNISSA tentang cara pengurusan jenazah seperti mana yang dituntut dalam Islam.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Pelaksanaan pengurusan jenazah itu merupakan salah satu Fardu Kifayah ataupun tanggungjawab sosial bagi umat Islam. Oleh itu, mengetahui dan mempelajarinya adalah menjadi satu kewajipan bagi setiap individu Muslim.

Sehubungan itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Alumni dengan kerjasama Unit Kemahiran dan Latihan, Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni UNISSA telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Fardu Kifayah : Pengurusan Jenazah yang berlangsung di Surau As-Syafi'i UNISSA, baru-baru ini.

Seramai 37 peserta dalam kalangan Alumni UNISSA menyertai program ini, di mana 12 peserta lelaki dan 25 peserta perempuan.

Antara objektif program ini adalah untuk menambah dan memperkukuhkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan jenazah agar peserta sentiasa bersiap sedia untuk tampil membantu menyempurnakan jenazah.

Program ini juga diharap akan melahirkan insan yang boleh berbakti kepada masyarakat berdasarkan Ilmu yang dipelajari dan bertanggungjawab dalam memikul tugas Fardu Kifayah ini.

Bengkel pengurusan jenazah lelaki dibimbing oleh Alumni UNISSA sendiri dan merupakan fasilitator yang bertauliah serta berpengalaman iaitu Imam Tingkat II, Masjid Kampung Pulaie, Haji Nuralif bin Haji Taib.

Manakala Bengkel Pengurusan Jenazah Perempuan pula dibimbing oleh Penggapai dari Unit Tanah Perkuburan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Hajah Siti Animi binti Haji Salleh dan Norlila binti Mohammad.

Turut hadir dan seterusnya menyampaikan sijil kepada fasilitator dan para peserta ialah Yang Dipertua Persatuan Alumni UNISSA Sesi 2021 / 2023, Muhammad Dzulhilmi bin Haji Moharefandi.

Adapun tujuan program ini diadakan adalah bagi memberikan pengetahuan dan pendedahan secara praktikal kepada alumni UNISSA tentang cara pengurusan jenazah seperti mana yang dituntut dalam Islam.

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

جابتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Sedekah Amalan Terpuji

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 25 Rabiulawal 1444H/ 21 Oktober 2022M

## SEDEKAH

- ✓ Kunci utama diperluaskan rezeki oleh Allah.
- ✓ Pelbagai bentuk: bantuan, pertolongan dan sesuatu yang menggembirakan kepada sesiapa sahaja





## GANJARAN DAN KELEBIHAN BERSEDEKAH

- ✓ Mendinding diri daripada api neraka
- ✓ Allah akan mengganti harta orang yang bersedekah
- ✓ Pahalanya sentiasa mengalir walaupun setelah meninggal dunia



## PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS (SMS) TABUNG DANA BAGI PEMBINAAN MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Telah dibukakan kepada orang ramai mulai 14 Mac 2022 sehingga 13 Disember 2022.

Memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfaqkan dan membelanjakan harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah.




**Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darusssalam**

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سكل جنيس ڤپاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠملڽ ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# 76 MURID DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN



**PEMANGKU Penolong Pengarah Urusan I, YSHHB, Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi murid-murid Darjah VI yang berjaya menamatkan pembacaan Al-Quran 30 Juz (atas). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir dan para peserta khatam yang diraikan pada majlis tersebut.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Oktober. - Dalam menyahut dan menanai hasrat kerajaan dalam melahirkan lebih banyak generasi celik Al-Quran di Negara Brunei Darussalam, Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SU YSHHB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi murid-murid Darjah VI yang telah berjaya menamatkan pembacaan Al-Quran 30 Juz, hari ini.

Sehubungan itu, seramai 76 murid iaitu 42 murid lelaki dan 34 murid perempuan mengikuti Majlis Khatam tersebut yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Antara yang mengikuti majlis tersebut, cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pengiran Nur Aleeyah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Pemangku Penolong Pengarah Urusan I, YSHHB, Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman, yang juga menyampaikan sijil-sijil khatam kepada para peserta.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menggalakkan murid-murid sentiasa membaca Al-Quran dengan betul dan lancar serta memastikan murid-murid dapat mengkhatamkan Al-Quran sebelum mereka menamatkan Darjah VI persekolahan ugama.

Selain itu, ia bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan antara para ibu bapa, penjaga, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengendalikan majlis-majlis keagamaan di sekolah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Lahab oleh para peserta khatam.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim oleh gabungan guru-guru perempuan dan diselajurkan dengan Doa Khatam yang dibacakan oleh Awangku Md. Darwisy bin Pengiran Omar Ali.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh gabungan guru-guru lelaki, yang kemudiannya diikuti dengan penyampaian sijil khatam kepada para peserta khatam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh tenaga pengajar, Awang Muhammad Syazwanshah bin Razal.





# Pengundian calon Penghulu Mukim, Ketua Kampung Telisai






**SUASANA Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai dan Ketua Kampung Telisai diadakan di Dewan Sekolah Rendah Tumpuan Telisai dengan menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*) (kiri dan kanan).**

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG,** Jumaat, 21 Oktober. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai dan Ketua Kampung Telisai telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Sekolah Rendah Tumpuan Telisai dengan menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*).

Manakala, pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Rabu, 19 Oktober 2022 bagi jawatan Ketua Kampung Telisai sementara bagi jawatan Penghulu Mukim Telisai dibuka mulai hari ini hingga Ahad, 23 Oktober 2022, jam 2.00 petang.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Majlis; Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Ketua Kampung dan para Pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Telisai berserta penduduk kampung.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Telisai ialah Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin, berusia 55 tahun. Sebelum bersara daripada perkhidmatan kerajaan, beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Hal Ehwal Masjid di Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Manakala, calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Telisai ialah Awang Sofian bin Haji Md. Yusof, berusia 47 tahun dan merupakan Penolong Setiausaha Majlis Perundingan Kampung Telisai.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai pada hari ini adalah khusus bagi para penduduk Kampung Telisai, KampungDanau dan sekitarnya selain daripada pengundian dan pemilihan bagi calon Ketua Kampung Telisai.

Seramai 232 penduduk Kampung Telisai daripada seramai 250 orang yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Telisai.

Seramai 29 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 203 orang menggunakan kertas undi.

Pengundian dan pemilihan bagi calon Ketua Kampung Telisai telah menyaksikan sebanyak 228 undi telah bersetuju. Manakala, empat undi tidak bersetuju.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Telisai akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Sementara itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai dengan menggunakan kaedah kertas undi akan diteruskan lagi pada Ahad, 23 Oktober 2022 bagi para penduduk Kampung Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bertempat di Dewan Kemasyarakatan RPN Bukit Beruang bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang dan juga turut diselajurkan dengan Majlis Pengundian Pemilihan Calon Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang (asal) dan Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3.

# MAJLIS KHATAM RAI GRADUAN POLITEKNIK BRUNEI



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al Quran sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Kali Ke-8, Tahun 2022 (atas). Manakala gambar bawah kiri dan kanan, bakal-bakal graduan yang diraikan pada majlis tersebut.

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUNGKU LINK**, Khamis, 20 Oktober. - Politeknik Brunei (PB) hari ini meraikan 642 bakal graduan dalam sebuah Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara kemuncak sempena Majlis Konvokesyen PB Kali Ke-8, Tahun 2022 bagi bakal-bakal graduan pengambilan ke-9.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis tersebut diteruskan dengan bacaan Takhtim beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Doa Khatam. Majlis diakhiri dengan dikir, diikuti dengan Doa Penutup dibacakan oleh Imam Tingkat II, masjid berkenaan, Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini.

Antara lain tujuan majlis diadakan ialah untuk memartabatkan Al-Quran sebagai dasar segala ilmu di samping mengambil sukut barakah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis telah diadakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan nasihat-nasihat yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Majlis Konvokesyen akan diadakan pada 26 Oktober 2022 nanti, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Juga hadir, Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon; Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Perkembangan) PB, Penolong Pengarah (Akademik) PB, jemputan-jemputan khas di bawah Kementerian Pendidikan, ahli-ahli jawatankuasa, ketua-ketua bahagian, sekolah, pusat, tenaga pengajar serta kakitangan PB.





# Pusat Sejarah Brunei anjurkan Bicara Sejarah



DUA penceramah jemputan pada Bicara Sejarah berkenaan, Profesor Awang Haji Asbol bin Haji Mail; dan Profesor Adjung Haji Mohammad Rozan bin Dato Paduka Haji Muhammad Yunos serta dimoderatorkan oleh Pengiran Haziq Al-Mukhtar bin Pengiran Haji Shahbudin.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



ANTARA peserta yang menyertai Bicara Sejarah, terdiri daripada Pegawai-pegawai Pendidikan dan Guru-guru Sejarah, di seluruh negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Pusat Sejarah Brunei melalui Bahagian Perkhidmatan dan Pameran dan Bahagian Perpustakaan dan Pembelajaran menganjurkan 'Bicara Sejarah : Evolusi Pentadbiran Negara Brunei Darussalam dari Perspektif Sejarah'.

Penganjuran Bicara Sejarah pada kali ini adalah dengan kerjasama HISTORY SBC.BN, yang terdiri daripada Guru-guru Sejarah, di negara ini.

Majlis yang mengambil tempat di Dewan Jawatan Dalam, pusat berkenaan, dihadiri oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku tetamu khas.

Atur cara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dibacakan oleh Awang Alomsa Noradzmin bin Haji Alli Omar dan sejurus itu, diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada tetamu khas.

Seramai dua penceramah dalam kalangan pakar, yang mempunyai banyak pengetahuan, ilmu dan pengalaman dalam membuat kajian tentang Sejarah Pentadbiran Tradisional Brunei dijemput, pada Bicara Sejarah kali ini.

Mereka ialah Profesor Awang Haji Asbol bin Haji Mail; dan Profesor Adjung Haji Mohammad Rozan bin Dato Paduka Haji Muhammad Yunos serta dimoderatorkan oleh Pengiran Haziq Al-Mukhtar bin Pengiran Haji Shahbudin.

Seramai 60 peserta menyertai Bicara Sejarah, terdiri daripada Pegawai-pegawai Pendidikan dan Guru-guru Sejarah, di seluruh negara.

Antara objektif ia diadakan adalah untuk menambahkan lagi kefahaman para guru mengenai tajuk yang dibicarakan.

Selain dapat meningkatkan keyakinan para Guru Sejarah dalam menyampaikan fakta, dalam pembelajaran kepada murid-murid dan menaik taraf kualiti Guru-guru Sejarah serta kedudukan pengajaran mata pelajaran Sejarah di NBD setaraf piawaian antarabangsa.

Majlis penyampaian sijil kepada para penceramah dan moderator disempurnakan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

# PESERTA KURSUS PASCA PERKAHWINAN TERIMA SIJIL



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok semasa menyampaikan sijil kepada peserta (atas). Manakala gambar bawah kanan, para peserta yang menyertai kursus tersebut.**

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Oktober. - Statistik Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) sepanjang tiga tahun kebelakangan, antara faktor tertinggi yang menyumbang kepada konflik dan perselisihan rumah tangga yang telah diadukan merekodkan sebanyak 42 peratus aduan rumah tangga adalah berpunca dari tiadanya persefahaman di antara pasangan, 27 peratus aduan dibuat disebabkan pengabaian nafkah atau tanggungjawab.

Kemudian, faktor yang disebabkan oleh pasangan mempunyai hubungan dengan orang lain serta pasangan tidak lagi bersekedudukan dalam tempoh yang lama, masing-masing menyumbang sebanyak 12 peratus.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok menyatakan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Peserta Kursus Pasca Perkahwinan 'Iman Dikarihi, Keluarga Harmoni', Tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-Mahkamah Syar'iah, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

"Kebanyakan aduan yang dibuat di BKNK adalah dalam kalangan mereka yang telah mendirikan rumah tangga dalam tempoh empat hingga 10 tahun iaitu sebanyak 52 peratus," ujar Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syar'iah yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Menurutnya, amatlah mustahak bagi semua pihak yang terlibat mengambil pendekatan bersepadu dengan lebih aktif dalam membarigakan pelbagai kemahiran kekeluargaan dengan lebih berkesan bagi sama-sama berganding bahu mengawal dan meminimumkan permasalahan kekeluargaan sesuai dengan tuntutan agama.

Jelasnya, antara inisiatif Jabatan Hal Ehwal Syar'iah (JHES) melalui BKNK adalah untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutama dalam memberikan khidmat nasihat ke arah yang lebih efisien dan mempelbagaikan program-program keluargaan dari semasa ke semasa terutama dalam menekankan pendidikan kekeluargaan mengikut isu semasa.

Kursus berkenaan merupakan anjuran BKNK, JHES yang telah diadakan selama tiga hari, bermula pada 18 Oktober 2022 lalu. Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil kepada peserta-peserta kursus tersebut.

Sepanjang tiga hari kursus diadakan, sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentangkan oleh fasilitator-fasilitator jemputan iaitu Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dengan tajuk pembentangan 'Kasih Masih' dan Dayang Sri Nazrina binti Haji Johari dengan tajuk 'Pengurusan Kewangan Keluarga'.

Seterusnya, pembentangan daripada Awang Muhammad Faidzal bin Haji Abdul Wahab dengan tajuk 'Akta Undang-Undang Keluarga Islam Penggal 217' dan Mejar (B) Awang Rusli bin Bujang dengan tajuk 'Suami Hebat Isteri Terpikat'.

Kemudian, Dr. Hajah Ummi Fa'izzah binti Haji Abdul Rahman dengan tajuk 'Kemahiran Keibubapaan Anak Masa Depan Kita' dan ASP Awang Ahmad Faez bin Haji Mohd. Hani dengan tajuk 'Membenteras Dilema Rumahtangga' serta Awang Haji Noor Husseini bin Haji Mohd. Hussein dengan tajuk 'Kerjaya dan Perkahwinan untuk Diimani'.

Kursus Pasca Perkahwinan ini merupakan program tahunan JHES dan pada tahun ini seramai 18 pasangan telah mengikuti kursus berkenaan.



# Kongsi, barigakan dasar kerajaan



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya (tengah) semasa perkongsian maklumat pada Program Sua Muka bagi Kampung Bunut Perpindahan, Kampung Madewa dan Kampung Tasek Meradun / Kampung Bunut, Mukim Kilanas (atas). Manakala gambar bawah kanan, Pemangku Ketua-ketua Kampung yang hadir bersama para penduduk kampung.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**MUKIM KILANAS,** Khamis, 20 Oktober. - Program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Komunikasi Strategik diteruskan lagi dengan mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Bunut Perpindahan, Kampung Madewa dan Kampung Tasek Meradun / Kampung Bunut, Mukim Kilanas.

Program antara lain bertujuan untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan serta dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan berkenaan.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, antara lain mengongsikan tentang penyebaran maklumat palsu di era digital yang tular dengan begitu cepat boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan keselamatan negara, yang membawa pada tindakan di bawah perundangan : Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34.

Iaitu barang siapa, sama ada melalui lisan atau tulisan atau apa cara sekalipun menyebarkan maklumat palsu atau membuat kenyataan palsu yang boleh menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada pihak awam boleh didakwa dan dihukum penjara hingga tiga tahun atau denda BND3,000.

Beliau berkata lagi, sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan; menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan, bahawa ia berbentuk hasutan, maka mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara hingga dua tahun dan denda BND5,000 seperti yang dinyatakan, pada Akta serta Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1).

Sementara itu, Ketua Jabatan Perniagaan Retail Brunei Shell Marketing (BSM), Awang Haji Shahruddin bin Haji Abdul Wahid menyampaikan taklimat mengenai 'Kempen Isi Selamat Rasa Selamat : Pematuhan Garispandu dan Peraturan di Stesen Minyak'.

Beliau antara lain mengongsikan beberapa cabaran yang dihadapi oleh Juara Servis, insiden-insiden yang pernah berlaku di stesen minyak dan garis panduan keselamatan sebelum, semasa dan selepas membuat pengisian minyak di stesen minyak Shell.

Awang Haji Shahruddin juga mengongsikan tujuan Kempen Isi Selamat Rasa Selamat adalah untuk mendidik dan memberikan kesedaran kepada orang ramai, terutama kepada pelanggan yang datang ke stesen-stesen minyak agar dapat mematuhi langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi semasa berada di stesen minyak.

Sementara itu, mewakili Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jurutera Bahagian Air, Pengiran Haji Mohd. Saiful Hazman bin Pengiran Haji Duraman dalam taklimat ringkas beliau mengongsikan tentang langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Air apabila berlakunya masalah gangguan air, seperti menyiarkan makluman menerusi Siaran Akhbar, Media Sosial JKR, dan makluman menerusi berita Radio Televisyen Brunei.

Selain itu, Pengiran Haji Mohd. Saiful Hazman juga turut mengongsikan akta-akta berkaitan dengan pili bomba iaitu berdasarkan Penggal 121 Akta Perbekalan Air Bab 26 (d), "Barang siapa dengan tiada kebenaran Penguasa Air mengganggu, membuka atau menutup mana-mana injap, atau kepala paip pemadam api yang dimiliki oleh pekerjaan air dan didapati bersalah, apabila dijatuhi hukuman, dikenakan denda tidak melebihi BND20,000 dan, dalam hal sabit kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi BND50,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali".

Manakala di bawah akta Penggal 121 Akta Perbekalan Air Bab 27 (1) (b), "Tiada sesiapa boleh mengambil sebarang air bagi maksud apa jua pun dari mana-mana kepala paip pemadam api...(paip besar, pekerjaan-pekerjaan air, alat atau perkakas) ...yang dimiliki oleh Penguasa Air kecuali dengan perjanjian atau persetujuan bertulis. Barang siapa yang bertindak melanggar bab ini akan didapati salah, dan apabila dijatuhi hukuman, dikenakan denda tidak melebihi BND10,000".

Turut hadir pada sesi dialog tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Durahim bin Hassan; Pemangku Ketua Kampung Madewa / Kampung Telanai, Awang Haji Jumat bin Haji Salleh dan Pemangku Ketua Kampung Tasek Meradun / Kampung Bunut, Awang Ahmad Hussaini bin Haji Mohsin serta penduduk kampung.

Terdahulu dalam ucapan balas, Awang Haji Durahim mengucapkan penghargaan atas kesempatan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang hadir pada Program Sua Muka tersebut.

Menurut beliau, program tersebut sangat berharga dan berguna kepada penduduk kampung untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan dalam usaha ke arah kemajuan serta kesejahteraan kampung amnya dan negara khasnya.

Program tersebut mengambil tempat, di Perpustakaan Masjid Kampung Bunut.



سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

### PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn
Bagi Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Bagi media sosial PSC.BN

| | Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan | Jabatan dan Kementerian | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PENYEMAK D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/OCT/05 | JABATAN-JABATAN KERAJAAN | 06 | 7(A) | 29 OKTOBER 2022 |
| 2. | PEMBACA METER E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2022/OCT/07 | JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI | 08 | 7(A) | 29 OKTOBER 2022 |
| 3. | PENGKAJI DENGAR M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/09 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 01 | 7(A) | 31 OKTOBER 2022 |
| 4. | PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/06 | KEMENTERIAN PERTAHANAN | 01 | 7(A) | 31 OKTOBER 2022 |
| 5. | PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/14 | JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, KEMENTERIAN PERTAHANAN | 02 | 7(A) | 31 OKTOBER 2022 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

**Kelas :**
IV DAN V SAHAJA

**Kategori :**
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DDS 017 / 2022 - (CDE).T.IV

**Nama Projek :**
MENAIK TARAF SISTEM SALIRAN KG. SENUKOH, TEMBURONG - FASA 1 (TAWARAN SEMULA)

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen :**
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
15 November 2022

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
6 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam
2.00 Petang

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran :**
JKP / SH / 2022 - 2023 / 08

**Tajuk Tawaran :**
TRAINING ON ROLE OF CLEAN AND HYGIENIC PUBLIC TOILETS IN THE TOURISM INDUSTRY OF BRUNEI DARUSSALAM

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Khamis,
3 November 2022,
Jam 2.00 Petang

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

**JAWATAN :**
PENOLONG PENSYARAH

**JABATAN :**
INSTITUT BIODIVERSITI DAN PENYELIDIKAN ALAM SEKITAR (IBER), UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BAHAGIAN :** II

**TANGGA GAJI :** UB1 EB2

**KEKOSONGAN :** SATU (1)

**Tarikh Tutup :**
Sabtu, 29 Oktober 2022

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Tawaran :**
KHEU / JPI / LTN / BT / 01 / 2022-2023

**Tajuk Tawaran :**
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Di Kawasan Kampong Ayer Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama [Keperluan Empat (4) Buah] Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Bagi Tahun 1444H - 1445H / 2022M - 2023M

**Bayaran Yuran Tawaran :**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 20 Rabiulakhir 1444H / 15 November 2022M,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MAKLUMAN SEBUT HARGA

**Tajuk Sebut Harga :**
KKBS / OBBD / F-004 (05-2022)

**Tajuk Sebut Harga :**
TERM CONTRACT (1 YEAR) CLEANING (BUILDING AND COMPOUND) AND GRASS CUTTING FOR OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD) AT BATANG DURI AND BELALONG CAMP, TEMBURONG DISTRICT

**Tarikh Tutup :**
27 Oktober 2022 (Khamis)
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

## PEJABAT BESAR POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Kenyataan Tawaran

**Rujukan Tawaran :**
POS / T / 13 / JPP / 2022-2023

**Tajuk Tawaran :**
Supply And Delivery Of Wireless Barcode Scanner For Postal Services Department

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
15 November 2022,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran :**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2022 / T / IL / 006
(JPPK / LTK / 26 / 2021]
18 MONTHS TERM CONTRACT FOR OPERATIONAL MAINTENANCE OF SWIMMING POOL, BERAKAS GARRISON

**Kelas :**
III dan Keatas Sahaja

**Kategori :**
M01, E01 & E02

**Tempoh Penyiapan Kerja :**
Lapan Belas (18) bulan

**Yuran Tawaran :**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 1 November 2022,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran :**
3 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.41 / 22

**Tajuk Tawaran :**
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan Serta Penghantaran Kasut Boots Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 25 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Rancangan Pemakanan Sekolah

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 175 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Saba Darat 'B'
Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
Kod Blok : SM/05

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 176 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Bengkurong
2. Sekolah Rendah Junjongan
3. Sekolah Rendah Pengkalan Batu
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
Kod Blok : SM/21

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 177 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Mulaut
2. Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof, Kg. Katimahar
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan
Kod Blok : SM/24

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 178 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Lambak, Jalan 10
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
Kod Blok : SM/39

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 179 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Labi, Kampong Gatas Labi
2. Sekolah Rendah Merangking
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
Kod Blok : SM/51

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 180 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Pengkalan Tentera Laut, Muara
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
Kod Blok : SM/61

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 181 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Basah Bagi :
Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Dua (2) Bulan
Kod Blok : AB/01

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 182 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi :
Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan
Kod Blok : AK/01

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 183 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi :
Sekolah Menengah PJN Pg Haji Abu Bakar, Mumong,
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan
Kod Blok : AK/07

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 184 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

**Tajuk Sebut Harga :**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Bagi :
Sekolah Rendah Merangking
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
Kod Blok : PH/T3

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Sabtu,
29 Oktober 2022
(Tidak dikembalikan)

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Bilangan Tawaran :**
KHEU / BDP / 164 / 147 / 2022

**Tajuk Tawaran :**
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Landscaping And Grasscutting Works To Kementerian Hal Ehwal Ugama Both Building Compound,
Negara Brunei Darussalam

**Bayaran Yuran Tawaran :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu, 26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Sebut Harga :**
75 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2022

**Tajuk Sebut Harga :**
THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING, WARRANTY AND SUPPORT SERVICES FOR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN DATA CENTER NETWORK CORE SWITCH

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

**Kelas :**
III & IV SAHAJA

**Kategori :**
KA01 & M03 SAHAJA
(Kod B aharu)

**Bilangan :**
JKR / DBSKB 007 / 2022

**Nama Projek :**
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN STESEN PAM PEMBETUNGAN (STESEN PAM UTAMA DAN STESEN PAM SUBSIDIARI) DI DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH 3 TAHUN.

**No. Projek :**
2022ADKB / B00411 / 002-003-003

**Yuran Tawaran :**
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

**Kelas :**
III & IV SAHAJA

**Kategori :**
KA01 & M03 SAHAJA
(Kod Baharu)

**Bilangan :**
JKR / DBSKB 008 / 2022

**Nama Projek :**
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN SISTEM VAKUM PEMBETUNGAN DI KAMPUNG LUMUT BAGI TEMPOH 3 TAHUN

**No. Projek :**
2022 / ADKB / B00411 / 002-003-004

**Yuran Tawaran :**
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 25 Oktober 2022

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 8 November 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang


# PERATURAN PENGIKLANAN
## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

2 MINGGU SEBELUM

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**006 / HQ / 2022-M (LELONG)**
**2 Buah Kapal Menangkap Ikan di Jeti, Ibu Pejabat Polis Marin, Muara**

**Keterangan Harta Benda :**

**ON332238 (ONE UNITED 6)**
**Ukuran : 24.60 Meter Panjang**
**Lebar 6.66 Meter**
**Kedalaman 4.00 Meter**
**Harga Indikasi : BND5,000.00**
**Jumlah : 1**

**ON332263 (ONE UNITED 20)**
**Ukuran : 21.40 Meter Panjang**
**Lebar 5.03 Meter**
**Kedalaman 2.60 Meter**
**Harga Indikasi : BND4,000.00**
**Jumlah : 1**

**Caj Borang :**
**BND5.00**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**007 / HQ / 2022-M (LELONG)**
**Sebuah Bot Fiberglass Panjang 4.06M Berserta Enjin 15HP Di Ibu Pejabat Polis Marin, Muara**

**Keterangan Harta Benda :**

**Bot Fiberglass**
**Ukuran Bot : 4.06 Meter Panjang**
**Lebar 1.24 Meter**
**Dalam 0.59 Meter**
**Harga Indikasi : BND500.00**
**Jumlah : 1**

**Engine Outboard**
**15HP**
**1165782**
**Model 15FMH**
**Harga Indikasi : BND1,200.00**
**Jumlah : 1**

---

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH 2005**

**SAMAN GANTIAN DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Saman No. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 0707 / 08-2022**

ANTARA

**NURAQILAH BINTI KAMAL SHAH**
- PLAINTIF - Pemohon

DAN

**KAMAL SHAH BIN HAJI TUAH**
- DEFENDAN - Responden

**Kepada :**
**KAMAL SHAH BIN HAJI TUAH**
**No. Kad Pengenalan :**
**00-075839 (Kuning),**

**Beralamat :**
Tidak diketahui

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada Khamis, **1 Rabiulakhir 1444H / 27 Oktober 2022M pada jam 2.00 Petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi **Permohonan Wali Hakim Kerana Wali Tidak Boleh Dikesan.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**15 Rabiulawal 1444H / 10 Oktober 2022M**

**METERAI**
**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

---

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(79) INFO / PK / K / 7 (2022 - 2023)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MENCETAK BUKU PELAN STRATEGIK JABATAN PENERANGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(80) INFO / PK / K / 7 (2022 - 2023)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MENCETAK KALENDAR DINDING DAN KALENDAR MEJA JABATAN PENERANGAN 2023**

**Yuran Sebut Harga :**
**Tidak dikenakan bayaran**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,**
**26 Oktober 2022,**
**Jam 11.00 Pagi**

---

**Caj Borang :**
**BND2.00**

**Tarikh Tutup :**
**Isnin, 24 Oktober 2022,**
**Jam 10.00 Pagi**

---

جابتن کاجي چواچ بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JKBD / 2020 / SH-25 (R)**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan : Refurbishment Of Weather Observation Station Building At Brunei International Airport**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,**
**2 November 2022,**
**Jam 9.00 Pagi**

---

**JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**DOE / IT.2.2.6 / 3**

**Tajuk Tawaran :**
**DOE DASHBOARD**

**Information Day :**
**Khamis,**
**27 Oktober 2022**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa,**
**8 November 2022,**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Tawaran :**
**KHEU / BDP / 164 / 149 / 2022**

**Tajuk Tawaran :**
**TERM CONTRACT FOR ELECTRICAL MAINTENANCE WORKS AND EMERGENCY WORKS FOR JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA (LAMA) FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS.**

**Bayaran Yuran Tawaran :**
**BND5.00**
**(Dikenakan bayaran)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Rabu, 26 Oktober 2022,**
**Jam 2.00 Petang**

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**1. UNISSA / SB0036 / 2022 / 2023 - TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND MAINTENANCE OF COMPUTER DESKTOP FOR CENTRE OF RESEARCH AND PUBLICATION, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

**2. UNISSA / SB0037 / 2022 / 2023 - TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND MAINTENANCE OF HIGH-END MULTIMEDIA DESKTOP PC FOR TECHNOLOGY AND MULTIMEDIA CENTRE, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Rabu,**
**26 Oktober 2022,**
**Jam 2.00 Petang**

---

**PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga :**
**4 / OKTOBER / 2022 / PSB / PD.575**

**Tajuk Sebut Harga :**
**The Supply, Delivery And Installation Of Automatic Dehumidifier At Repository Room Brunei History Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Isnin, 31 Oktober 2022,**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**
**Q.JDT / 45 / 2022**

**Tajuk Tawaran :**
**SEBUT HARGA BAGI PEMBEKALAN VENDING MACHINE SELAMA 36 BULAN**

**Bilangan Tawaran :**
**Q.JDT / 46 / 2022**

**Tajuk Tawaran :**
**SEBUT HARGA PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN GERAI PASAR MALAM SERI KENANGAN MUSIM KE-9 BAGI JABATAN DAERAH TUTONG**

**Bayaran Yuran Tawaran :**
**BND5.00**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Tidak lewat pada Isnin,**
**31 Oktober 2022,**
**Jam 2.00 Petang**

# BDCB TERBITKAN SUKU KEDUA RPPI, 2022

| Tempoh | Indeks (Q1 2015 = 100) | Perubahan (%) | |
|---|---|---|---|
| | | Dari Q2 2021 | Dari Q1 2022 |
| Q2 2022 | 93.1 | -0.9% | 5.4% |










Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Oktober. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua (Q2) 2022.

Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperoleh dari bank-bank di Negara Brunei Darussalam juga diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah.

Pada Q2 2022, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus tahun ke tahun kepada 93.1 berbanding dengan Q2 2021 dan peningkatan sebanyak 5.4 peratus suku ke suku berbanding dengan Q1 2022.

Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperoleh dari bank-bank, sebanyak 130 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q2 2022.

Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q1 2022 dan peningkatan sebanyak 23.8 peratus berbanding dengan Q1 2021.

Pada suku kedua 2022, kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (54.6 peratus), diikuti oleh rumah teres (19.2 peratus), rumah berkembar atau *semi detached* (18.5 peratus), pangsapuri (5.4 peratus) dan tanah (2.3 peratus).

Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q2 2022 adalah BND249,500. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 10.9 peratus berbanding dengan Q2 2021 dan peningkatan sebanyak 1.2 peratus berbanding Q1 2022.

Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau detached adalah BND268,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND254,000, bagi rumah teres adalah BND210,000 bagi pangsapuri adalah BND265,000 dan bagi tanah adalah BND122,000.

Pengiraan RPPI menggunakan harga median dan bukan harga purata kerana harga median tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa bagi jenis hartanah yang sama dalam suatu tempoh masa.

Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung pada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza, tertakluk antara lainnya pada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.

Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini, boleh didapati di Laman Sesawang BDCB, *www.bdcb.gov.bn*.

Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB, *@centralbank.brunei*.

# Lihat lebih dekat operasi, perkhidmatan hotel



**SERAMAI 25 Guru subjek Travel and Tourism dari sekolah menengah serta maktab kerajaan dan sekolah menengah swasta membuat lawatan ke Parkview Hotel untuk meningkatkan pengetahuan tentang operasi hotel dan pemahaman yang lebih baik tentang kepentingan perkhidmatan hospitaliti.**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Oktober. - Seramai 25 Guru subjek Travel and Tourism dari sekolah menengah serta maktab kerajaan dan sekolah menengah swasta membuat lawatan ke Parkview Hotel, di sini.

Kedatangan rombongan disambut oleh Pengurus Operasi Parkview Hotel, Dayang Safawati binti Salim, yang juga menyampaikan taklimat ringkas.

Seterusnya guru-guru melawat ke kemudahan yang ada di Parkview Hotel, seperti dewan majlis, bilik hotel, bilik spa, restoran dan bilik mesyuarat, seterusnya sesi soal jawab.

Lawatan ini dianjurkan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang merupakan ahli Subject Based Committee (SBC) Travel and Tourism.

Tujuan lawatan adalah untuk meningkatkan pengetahuan tentang operasi hotel dan pemahaman yang lebih baik tentang kepentingan perkhidmatan hospitaliti.

Diharapkan melalui lawatan ini, guru-guru subjek Travel and Tourism akan dapat menggunakan maklumat yang diperoleh untuk diterapkan dalam pengajaran mereka dan memberi contoh tempatan.

Di akhir lawatan itu, Dayang Hajah Latifah binti Haji Sawal dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain yang merupakan Setiausaha SBC Travel and Tourim menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Pengurus Operasi Parkview Hotel, Dayang Safawati.

Sebagai tanda penghargaan, sijil penghargaan juga disampaikan kepada Guru-guru dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Nur Syazwani binti Ismail, Dayang Siti Hamizah binti Merali dan Dayang Nabilah Haji Suhaili selaku penganjur lawatan berkenaan.



# SERTAILAH BSb 2022 : 28 NOVEMBER

**Siaran Akhbar dan Infografik :**
**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna akan mengungkayahkan acara jualan murah kebangsaan Brunei Salebration (BSb) 2022 dengan tema 'Bebelanja di Brunei' (Shop in Brunei), bermula 28 November 2022 hingga 31 Januari 2023, iaitu selama 65 hari.

Di kesempatan ini, JPES menekankan kepentingan peranan para peniaga dari pelbagai sektor dalam mempromosi penggunaan (*domestic consumption*) melalui menawarkan diskaun yang menarik kepada orang ramai ke arah mendukung inisiatif 'Shop in Brunei'.

Dengan meningkatkan penggunaan tempatan, BSb 2022 adalah dihasrat untuk dapat membantu merangsang kegiatan perekonomian dalam negara dengan menggalakkan orang ramai berbelanja di negara ini dan menjadikan negara sebagai destinasi membeli belah.

Senarai peserta BSb 2022 akan dikongsikan di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak bagi tujuan publisiti untuk memudahkan para pengguna mengetahui peserta BSb 2022 serta dapat berkunjung ke premis-premis berkenaan.

Para peniaga yang menyertai BSb 2022 diingatkan untuk mempamerkan tanda harga dan diskaun dengan jelas bagi memastikan ketelusan harga serta membolehkan para pengguna membuat pilihan pembelian bermaklumat.

Dalam pada itu, Notis Jualan yang dikeluarkan oleh JPES hendaklah dipaparkan dengan terang dan jelas, di setiap premis perniagaan masing-masing.

Menjalankan perniagaan dan aktiviti jualan murah secara beretika akan memberikan manfaat kepada para peniaga dengan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap syarikat dan kredibiliti syarikat.

Para peniaga yang berhasrat untuk menyertai acara BSb 2022, boleh menghadapkan Borang Makluman Jualan, bermula hari ini hingga 20 November 2022.

Borang Makluman tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES, iaitu *www.deps.gov.bn/cad* dan borang yang lengkap boleh dikembalikan melalui e-mel ke *sales@jpes.gov.bn* atau terus ke kaunter di alamat berikut : Jabatan Hal Ehwal Pengguna Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Bilik 3.06, Tingkat 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1131, Negara Brunei Darussalam.

Sebarang pertanyaan mengenai BSb 2022 boleh disalurkan ke JPES melalui aplikasi PenggunaBijak atau e-mel ke *sales@jpes.gov.bn* atau menerusi talian +673 2230223, semasa waktu bekerja.




# Kementerian Kesihatan pastikan ubat di NBD berkualiti, selamat

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai mengenai status ubat batuk jenis sirap di Negara Brunei Darussalam, berikutan amaran yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang empat produk ubat batuk jenis sirap, di mana dipercayai mengandungi jumlah bahan kimia toksik yang tinggi, iaitu *diethylene glycol* dan *ethylene glycol* yang dikaitkan dengan tragedi kematian 66 kanak-kanak, di Gambia.

Susulan laporan media mengenai kematian kanak-kanak di Gambia dan di negara Indonesia akibat kecederaan buah pinggang, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai, bahawa empat produk ubat batuk tersebut keluaran syarikat Maiden Pharmaceuticals, India tidak pernah diimport dan dijual untuk kegunaan orang ramai, di Negara Brunei Darussalam.

Keterangan empat ubat batuk berkenaan adalah Promethazine Oral Solution BP; Kofexmalin Baby Cough Syrup; Makoff Baby Cough Syrup; dan Magrip N Cold Syrup, di bawah pengilang Maiden Pharmaceuticals Limited (Haryana, India).

Semua produk ubat di Negara Brunei Darussalam mesti berdaftar bersama Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (PKNUBD) terlebih dahulu sebelum dipasarkan.

Dokumen lengkap mesti dikemukakan kepada Pihak Berkuasa untuk penilaian, bagi memastikan produk ubat tersebut memenuhi piawaian kualiti, keselamatan dan keberkesanan antarabangsa, yang ditetapkan sebelum diluluskan serta diimport ke Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan, bahawa keempat-empat ubat batuk yang terjejas tidak berdaftar bersama Pihak Berkuasa di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, orang ramai yang mempunyai bekalan ubat-ubat batuk jenis sirap yang tersebut di atas adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta.

Jika mereka mengalami sebarang kesan *advers*, kesan sampingan dan berasa tidak sihat selepas pengambilan sebarang ubat, hendaklah mendapatkan nasihat lanjut daripada doktor dengan segera atau ahli farmasi mereka jika mereka mempunyai sebarang kebimbangan.

Setakat ini, tiada laporan mengenai kesan *advers* atau kematian yang berkaitan dengan penggunaan ubat batuk jenis sirap dalam kalangan kanak-kanak diterima oleh Pihak Berkuasa di Negara Brunei Darussalam.

Berdasarkan maklumat terkini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan, bahawa ubat batuk jenis sirap di Negara Brunei Darussalam tidak perlu digantung penjualan dan pengedarannya pada masa ini.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan akan situasi global mengenai ubat batuk, di mana keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan bagi Kementerian Kesihatan.

Penilaian keselamatan dan kualiti ubat yang berterusan dijalankan, bagi memastikan ubat-ubatan adalah berkualiti, selamat serta berkesan untuk digunakan di Negara Brunei Darussalam.

# BDCB anjur Kempen Derma Darah

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Oktober. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah (BDC), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, baru-baru ini menganjurkan Kempen Derma Darah BDCB.

Kempen yang telah diadakan di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi berkenaan telah dibukakan kepada para pegawai dan kakitangan di bawah organisasi-organisasi dan jabatan-jabatan yang berada di bangunan berkenaan.

Kempen berkenaan telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dan diakhiri dengan penyampaian tanda penghargaan kepada pegawai dan kakitangan BDC.

Kempen Derma Darah BDCB merupakan salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat BDCB yang antara lainnya bertujuan untuk menyelamatkan nyawa dengan membantu menambah bekalan tabung darah negara.

Selain itu, inisiatif berkenaan juga diharapkan akan membolehkan mereka yang memerlukan pemindahan darah akan terus menerima rawatan perubatan yang bersesuaian.




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Lazimi Zikir Dalam Kehidupan Seharian'.** Tarikh Tutup **: 26 Oktober 2022**
2. **'Kesihatan Mental Harus Diberi Perhatian'.** Tarikh Tutup **: 2 November 2022**
3. **'Kukuhkan Institusi Keluarga Dengan Acuan Islam'.** Tarikh Tutup **: 9 November 2022**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

# PROGRAM BRUNEI DARUSSALAM BERSELAWAT DITERUSKAN




ANTARA yang menyertai Majlis Zikir Ratib Al-Attas secara maya.

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Kelab Komuniti Belia Transformasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Pelaksanaan aktiviti yang turut dijayakan oleh Biro Keagamaan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) mengadakan Majlis Zikir Ratib Al-Attas yang merupakan salah satu pelaksanaan aktiviti di dalam Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi, yang merupakan kesinambungan pada program-program, yang diadakan sebelum ini, iaitu Program Brunei Berselawat 1443H / 2021M dan Program Kenali dan Cintai Rasulullah 1442H / 2020M.

Program bagi tahun ini mengandungi beberapa aktiviti yang dilaksanakan secara maya (*online*) dan fizikal, yang disertai oleh 50 jemaah, terdiri daripada berbagai peringkat masyarakat Islam di negara ini.

Pembuka majlis bacaan niat, Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Biro Keagamaan KKBT, Awang Mohammad Adi Hamdi bin Haji Aminuddin dan diteruskan lagi dengan bacaan Ratib Al-Attas serta doa ratib.

Turut menyertai program, Ketua Pegawai Belia dan Sukan Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noor Maslina bin Haji Sulaiman dan para jemaah dari negara jiran, iaitu Malaysia.

Sementara itu, mengemas kini jumlah selawat dalam aktiviti 'Lakastah Berselawat', disertai oleh ahli-ahli 'Group WhatsApp' Komuniti Berselawat Brunei mengumpulkan lebih (6.55) juta kali selawat, di mana aktiviti tersebut adalah salah satu usaha untuk melestarikan dan membudayakan bacaan selawat dalam seharian, dalam kalangan masyarakat Islam, di negara ini.

Program Brunei Darussalam Berselawat akan diteruskan lagi dengan Majlis Selawat Subuh Jumaat, pada Jumaat, 21 Oktober 2022, jam 5.45 subuh secara maya melalui aplikasi Zoom.

Manakala Majlis Selawat Perdana juga akan diadakan pada Jumaat, 21 Oktober 2022, di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, jam 6.00 petang.

Untuk sebarang keterangan lanjut dan kemas kini mengenai program, boleh terus menghubungi setiausaha program melalui talian +673 726 2357 atau melalui Media Sosial Instagram, *@kkbt_birokeagamaan*.

# Majlis Khatam Al-Quran PPPBD sempena Maulidur Rasul




MAJLIS Khatam Al-Quran bagi Projek Pencinta Kalam Allah Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Kali Keempat sempena Sambutan Maulidur Rasul 1444 Hijrah (atas). Sementara gambar bawah, hadir pada majlis tersebut, Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPDB, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Ketua Pesuruhjaya PPPDB, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPDB, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Jumaat, 21 Oktober. - Seramai 45 Ahli, terdiri daripada Pesuruhjaya - pesuruhjaya, Pemimpin-pemimpin Dewasa dan Pemimpin-pemimpin Muda Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) yang menamatkan bacaan 30 juz Al-Quran menyertai Majlis Khatam Al-Quran bagi Projek Pencinta Kalam Allah PPPDB Kali Keempat sempena Sambutan Maulidur Rasul 1444 Hijrah.



Majlis berlangsung di Ibu Pejabat PPPDB, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPDB, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Ketua Pesuruhjaya PPPDB, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPDB, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan surah-surah beramai-ramai, mulai dari Surah Adh-Dhuha hingga Al-Masad.

Ini diikuti dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran, dipimpin oleh Pemimpin Muda Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Auni Munirah binti Md. Zun.

Pada majlis itu diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban, seterusnya Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Dayang Liyana binti Haji Jamain.

Projek Pencinta Kalam Allah PPPDB merupakan salah satu daripada projek keagamaan persatuan tersebut, yang dijalankan secara berpanjangan, bertujuan untuk memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran dalam kalangan para ahli, sekali gus mendidik mereka dari aspek kerohanian.

Di samping itu, bagi mendekatkan diri para ahli kepada Al-Quran, yang merupakan panduan hidup yang lengkap.

# Bantu tingkatkan bekalan darah

| TARIKH & MASA | TEMPAT |
|---|---|
| Sabtu, 22 Oktober 2022<br>9.00 pagi hingga 12.00 tengahari | Dewan Bukit Retak, Pusat Beli Bangar,<br>Daerah Temburong<br>Anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan |
| Ahad, 23 Oktober 2022<br>8.30 pagi hingga 12.00 tengahari | Tabung Darah, Hospital Suri Seri Begawan,<br>Kuala Belait<br>Anjuran Persatuan Malayali |

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait, pada ketika ini berhadapan dengan kekurangan bekalan darah semua jenis darah.

Sehubungan itu, bantuan orang ramai adalah sangat diharapkan dalam sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di hospital-hospital ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS atau Tabung Darah Hospital SSB, Kuala Belait, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Selain itu, Kempen-kempen Derma Darah akan diadakan sepertimana yang telah dijadualkan dan kempen-kempen tersebut adalah dibukakan bagi penyertaan orang ramai.

Kempen Derma Darah akan diadakan di Dewan Bukit Retak, Pusat Beli Bangar, Daerah Temburong anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Sabtu, 22 Oktober 2022, bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sementara itu, pada Ahad, 23 Oktober 2022, bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Tabung Darah, Hospital SSB, Kuala Belait anjuran Persatuan Malayali.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau WhatsApp +673 8775745 / +673 7375745 atau e-mel kepada *bloodbank@moh.gov.bn* dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, *@bloodbank.ripas*.




# Sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, komprehensif; mengekalkan kesejahteraan orang ramai

**Terjemahan oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Development Goals Annual Report 2021**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) berusaha untuk memastikan bahawa sistem kesihatan adalah berkualiti tinggi dan menyeluruh supaya ia akan dapat bertindak balas dengan berkesan dan cekap. Beberapa tindakan utama telah dilaksanakan untuk bertindak balas terhadap COVID-19. Di samping menyediakan pusat swabbing utama, tambahan Makmal Virologi Kebangsaan di Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan telah dibina untuk meningkatkan kapasiti dan mempercepatkan proses ujian untuk COVID-19 di negara ini sebanyak 10 kali ganda.

Untuk menangani gelombang kedua, Makmal Virologi tambahan yang dipanggil Brunei COVID-19 AirLab telah ditubuhkan. Makmal baharu itu adalah hasil kerjasama antara kerajaan dan Institusi Genomik Beijing (BGI). Pusat pengasingan tambahan telah diwujudkan termasuk sambungan baharu kepada Pusat Pengasingan Kebangsaan. Semua pusat dilengkapi kemudahan perubatan baharu untuk merawat dan memantau pesakit COVID-19 yang disahkan positif dijangkiti.

Kemudahan dan pengaturan kuarantin juga bersedia untuk ketibaan ke NBD dari luar negara yang mana diperlukan untuk menjalani pengasingan diri di penginapan yang telah ditetapkan semasa ketibaan.

Salah satu usaha yang paling penting dibuat ialah pengenalan permohonan BruHealth. Sebagai tindak balas wabak dan platform penglibatan penduduk, BruHealth membantu Kementerian Kesihatan dalam berkongsi maklumat dan untuk pengesanan kenalan. Aplikasi ini juga membenarkan tambahan ciri, menyokong pendigitalan perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti tempahan dalam talian vaksinasi, temu janji perubatan, penjejak rekod kesihatan peribadi, akses kepada perundingan video, dan pembayaran dalam talian platform. Alat penilaian kendiri juga tersedia pada aplikasi BruHealth untuk membantu individu menilai diri jika ada gejala COVID-19 dan untuk membantu penyediaan maklumat masa-nyata.

Dalam usaha untuk memastikan maklumat disampaikan tepat pada masanya dan efisien, sidang akhbar biasa diadakan untuk memberikan maklumat terkini tentang COVID-19 di NBD. Nasihat Kesihatan Talian 148 juga telah disediakan untuk orang awam yang memerlukan maklumat tambahan dan nasihat kesihatan. Sumber tambahan daripada maklumat juga telah disediakan melalui cara lain contohnya permohonan Telegram mudah alih untuk Gov.bn.

### Perkhidmatan Awam diteruskan pelaksanaan Pelan Kesinambungan Operasi (BCP) di tempat kerja

Untuk meminimumkan gangguan dalam penyampaian perkhidmatan dan untuk memastikan perkhidmatan penting masih beroperasi walaupun semasa wabak, pelan kesinambungan operasi telah dilaksanakan. Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengeluarkan garis panduan yang ditetapkan mengenai BCP untuk Perkhidmatan Awam, mengikut surat keliling yang sedia ada dan Prosedur Operasi Standard (SOP) dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Semua agensi juga dikehendaki merumuskan BCP mereka dengan mengambil kira fungsi mereka dan peranan masing-masing. Hasilnya, pengaturan kerja yang fleksibel untuk semua pekerja, termasuk kakitangan berisiko tinggi telah diperkenalkan.

Langkah-langkah tindak balas kesihatan awam juga diperkenalkan seperti pendaftaran mandatori untuk pengesanan kontak, pemeriksaan suhu di pintu masuk, dan penjarakan sosial. 'Surat Keliling JPM 8/2020 : Garis Panduan Mengenai Langkah-Langkah Untuk Mengawal Dan Menangani Jangkitan COVID-19 Bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam' diterbitkan untuk mengawal selia piawaian kebersihan tempat kerja dan melaksanakan langkah-langkah mengawal pergerakan Penjawat Awam keluar negeri berkenaan dengan mesyuarat dan bengkel antarabangsa.

### Elaun khas untuk petugas barisan hadapan

Pada bulan Mac 2020, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan elaun khas BND400 sebulan untuk petugas barisan hadapan sebagai penghargaan atas perkhidmatan dan usaha mereka menangani pandemik COVID-19. Elaun ini juga diberikan kepada doktor, jururawat, paramedik, pemandu ambulan, sukarelawan, dan kakitangan sokongan di bawah Kementerian Kesihatan.

### Sekatan perjalanan

Larangan perjalanan keluar dari NBD berkuat kuasa pada 16 Mac 2020. Oleh itu, garis panduan permohonan untuk semua warganegara dan penduduk tetap, tidak termasuk perjalanan penting, telah diperkenalkan. Kemasukan ke NBD melalui darat, udara, dan laut juga dikawal ketat oleh agensi yang berkaitan.

Untuk mengawal kemasukan warga asing ke NBD, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengeluarkan Entry Travel Pas (ETP) kepada mereka yang dibenarkan masuk ke NBD sebelum ketibaan. ETP akan ditunjukkan kepada pihak berkuasa sebaik sahaja tiba dan mereka dikehendaki mematuhi prosedur kesihatan selepas ketibaan.

Dalam menangani kes COVID-19, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengeluarkan SOP bagi penumpang yang tiba di Lapangan Terbang sekiranya terdapat penumpang yang disyaki dijangkiti. Waktu operasi di Pos Kawalan Darat dipendekkan 12 jam dari 6.00 pagi hingga 6.00 petang untuk mengehadkan pergerakan melalui jalan darat kepada mereka yang mempunyai keadaan khas. Warganegara asing bermastautin di Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan yang ingin transit melalui NBD melalui jalan raya dikehendaki memohon surat kebenaran dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, KHEDN. Tujuan surat tersebut adalah untuk memastikan bahawa pelancong mematuhi peraturan dan tidak akan berhenti di mana sahaja di NBD semasa transit.

### Hal ehwal pengguna

Kementerian Kewangan dan Ekonomi memantau secara berterusan dan mengawal harga barangan keperluan seperti beras, gula, dan keperluan lain. Sementara penghapusan duti import dan eksais ke atas produk kebersihan diri telah dilaksanakan untuk membantu peruncit dan pengguna untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk produk ini terutamanya dalam memerangi COVID-19. Stok beras import dan gula dipantau secara berterusan untuk memastikan bahawa ianya mencukupi untuk penggunaan harian penduduk selaras dengan mandat Jabatan Perbendaharaan untuk mempunyai sekurang-kurangnya enam bulan stok yang boleh didapati pada setiap masa.

### Bersatu dalam bantuan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan kerajaan untuk mewujudkan Dana Bantuan COVID-19 untuk membolehkan orang awam membuat sumbangan untuk membantu menangani penyebaran COVID-19.

Penubuhan dana diikuti cadangan daripada syarikat dan orang ramai yang ingin membuat sumbangan sukarela untuk membantu kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan untuk membeli peralatan dan keperluan penting untuk membendung penularan COVID-19. Sumbangan dalam bentuk barangan juga diterima oleh Kementerian Kesihatan yang menunjukkan semangat kolektif rakyat NBD untuk menyokong usaha tindak balas COVID-19.

Ramai ahli komuniti yang berdedikasi turut menyumbang dengan menjadi sukarelawan dan menyediakan perubatan dan bukan bantuan perubatan bagi membantu usaha menangani COVID-19. Sebagai contoh, sukarelawan belia yang merupakan gerakan pimpinan belia disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengerahkan sukarelawan ke Pusat Kesihatan, hotel yang ditetapkan, dan Pusat Pengasingan Kebangsaan, Lapangan Terbang, masjid-masjid; membantu petugas hadapan dari Kementerian Kesihatan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan agensi-agensi utama kerajaan yang lain untuk membantu memastikan arahan dan garis panduan dipatuhi; mengagihkan catuan makanan kepada Pusat-pusat Pengasingan dan tempat-tempat kuarantin yang ditetapkan; dan memastikan memudahkan protokol prosedur ketibaan standard bagi penumpang yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Di samping itu, sukarelawan belia juga menerajui sumbangan pandu lalu untuk membantu keluarga yang terjejas akibat pandemik COVID-19.



# Jangan cepat menilai

**Oleh : Pena Merah**
**Ilustrasi : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

"**AIRA**", seru Delisha sambil kakinya berlari anak menghampiri Aira yang sedang leka membaca buku novel di satu sudut yang paling hujung. Nasib baiklah tetamu perpustakaan itu tidak terlalu ramai. Kalau ramai, memang dia akan kawal caranya berlari. Yalah, perempuan Melayu terakhirlah katakan!

*"Kenapa kau eh? Macam nampak antu saja! Di perpustakaan kitani ni, bukan taman permainan".* Aira mengingatkan sambil matanya memandang ke arah Delisha yang tercungap-cungap seperti baru sahaja habis berlari dari 10 meter jaraknya!

Delisha tersengih dan setelah merasakan detak jantungnya sudah berdegup secara normal, barulah dia memulakan cerita.

*"Tadi masa ku mencari buku bah, ada ku teliat laki-laki ani. Empat urang tubuhnya!"* Cerita Delisha tergantung di situ.

Aira mengerutkan dahi. Pantas, badan Delisha dipegang.

*"Okey kau kah? Durang mengacau kau?"* soal Aira. Risau pula jika Delisha diapa-apakan tadi. Kalau benar kawannya itu diganggu, dia tidak akan duduk diam dan akan berdepan dengan lelaki-lelaki tersebut. Aira bukan sejenis perempuan yang penakut, dia pemegang tali pinggang hitam dalam persilatan.

*"Eh! Bukan!"*

*"Habis atu?"* Aira tambah pelik.

*"Mukanya macam inda seberapa tapi membaca novel!"* kata Delisha. Wajahnya tampak begitu teruja untuk menceritakan 'keajaiban' yang baru disaksikannya tadi.

*"Astaghfirullah! Kau ani eh! Ku pikir tah kenapa tadi. Mun sudah durang masuk ke mari, memang membacalah maksudnya. Indakan durang ke mari, kan main bula?"* soal Aira setelah menepuk dahi.

*"Sebatah-batah kitani lepak di sini ani, inda pernah ku meliat bisdurang atu ke mari. Antah-antah ..."*

*"Iatah kau atu, suka menghakimi urang tanpa usul-periksa. Udah jua kana bagi tahu, jangan nilai seseorang atu dari paras rupa. Nilai urang dari dalaman. Mana kitani tahu durang macam mana, kan?"* potong Aira lekas-lekas.

Dia bukan apa, dia takut ada orang yang terasa tersinggung dengan kata-kata Delisha walaupun suaranya tidaklah terlalu jelas untuk seseorang mencuri dengar perbualan mereka waktu itu. Maklumlah dalam perpustakaanlah katakan. Tempat yang tidak dibenarkan untuk berbual!

*"Memanglah tapi aku liat tadi durang atu macam inda berpengetahuan bah,"* kata Delisha.

*"Sebab atu durang ke mari. Kan membaca buku. Kau atu lain kali jangan tah menyibuk bah. Kesian jua durang tu kan kau ucapkan macam atu,"* nasihat Aira kepada Delisha.

Delisha tertawa kecil. Segan. Dia menggaru belakang kepalanya yang tidak gatal. Dia teringat kembali wajah-wajah lelaki-lelaki tadi. Rasa kasihan pula dia apabila teringat akan kata-katanya sebentar tadi. Andaikan mereka terdengar apa yang dikatakannya tadi, sudah pasti mereka akan berkecil hati.

*"Aira ..."*

*"Hmm?"* Aira tidak menoleh. Anak matanya kini sudah kembali setia menyambung bacaan yang sudah tergendala akibat diajak bergosip oleh Delisha tadi.

*"Dangani ku membali minuman sekajap di bawah?"* ajak Delisha.

Aira memandang ke arah Delisha yang berharap dia akan dapat turun bersamanya untuk membeli minuman.

*"Bah, laju tah".* Mahu tidak mahu, Aira akur juga. Lagipun kebetulan waktu itu tekaknya terasa haus pula.

***

*"Banyak jua minuman kau bali ani? Kan kau apa?"* tanya Aira sambil mengerutkan dahi.

*"Aku kan besedakah".* Delisha berkata.

*"Baik hatimu kan besedakah. Biasanya kau ani mun baik cemani, kan minta maaf ..."* sindir Aira sambil berpeluk tubuh.

*"Ngam! Lagipun aku rasa besalah bah. Ani aku harap durang maafkan aku. Karang inda pasal-pasal bedosa sebab mengumpat urang".*

*"Tau pun!"*

***

*"Assalamualaikum,"* tegur Delisha semasa dia bersama Aira baru sahaja menaiki anak tangga terakhir. Waktu itu empat lelaki tadi baru keluar dan sedang berbual tentang buku novel yang baru dipinjam oleh mereka.

*"Waalaikumussalam,"* jawab mereka. Lembut dan sopan sahaja.

*"Aku ani rasa besalah dan sebab ... hmm ..."* Delisha biarkan kata-katanya terhenti di situ.

*"Inda apa, tadi Aira sudah bagi tahu".* Salah seorang dari mereka berkata.

*"Hah?""* Delisha tersentak. Pantas, dia menoleh ke arah Aira yang sudah tersengih.

*"Durang ani cousinku. Kan pernah ku bercerita pasal projekku yang inda siap-siap atu. Iatah durang ani tah menulung kediaku sebab durang ani minat sains sama geografi,"* terang Aira.

Delisha sudah menggelabah. Dia jadi kurang selesa.

*"Jangan tah kau ingau, durang ani okey saja ni. Lagipun kau sudah membalikan minuman sebagai tanda minta maaf, kan?"* Aira menyiku perlahan lengan Delisha.

Delisha hanya tersengih malu. Dengan teragak-agak, dia memberikan minuman yang dibelinya buat mereka berempat. Setelah meminta maaf dan berkenalan, mereka berempat terus beredar. Meninggalkan Aira dan Delisha di tempat tadi. Sudah hilang dari pandangan mata, Aira memandang Delisha dan mula mengetawakan kawan baiknya itu.

*"Kau ani eh! Inda kau bepadah tadi. Malu ku!"*

*"Malu ah? Iatah kau atu. Jadikan satu pengajaran. Lain kali jangan suka-suka hati menilai urang macam tadi. Kitani inda tau apa-apa. Baik diam dan simpan sendiri-sendiri prasangka macam atu. Jangan tah diheboh-hebohkan. Takut jadi fitnah. Fitnah ani dusanya labih basar dari membunuh. Tau kau, kan?"*

Delisha mengangguk mengiyakan soalan Aira. Benar juga kata-kata Aira. Nasib baiklah Aira bukan kaki gosip. Kalaulah Aira melayan gosipnya tadi, mesti makin laju sahaja malaikat mencatat dosanya! Delisha bergeleng perlahan. Teringat akan kata-katanya tadi. Dia beruntung kerana dapat meminta maaf, kalau tak sempat? Apalah akan jadi ...

*"Bah, mari tah masuk ke dalam dulu. Aku kan meminjam buku,"* ajak Aira.

*"Bah, aku pun kan meminjam jua. Terima kasih ah mengingatkan aku pasal fitnah atu".* Delisha berkata.

*"Awu, inda apa-apa tu. Iatah gunanya kawan tu. Saling menasihati".*

Delisha senyum dan setelah itu mereka beriringan masuk ke dalam perpustakaan.

# 2 KOMPAUN, 4 NOTIS AMARAN DIKELUARKAN KEPADA SYARIKAT PERNIAGAAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan dua kompaun kepada dua buah syarikat perniagaan kerana melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya melalui penguatkuasaan rutin harian yang dijalankan baru-baru ini.

Kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 yang didapati adalah menjual susu tepung formula anak damit melebihi harga yang ditetapkan dan tidak memaparkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan.

Syarikat Ya Nur Trading Company Sdn. Bhd. dan Orbit Supermarket Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan kompaun sebanyak BND500 atas kesalahan berkenaan.

Sementara itu, minggu pertama bulan Oktober 2022 merekodkan sebanyak empat notis amaran dikeluarkan kepada empat buah syarikat perniagaan atas pelbagai kesalahan tertentu, iaitu tidak memaparkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual; dan memaparkan tanda harga yang mengelirukan, iaitu paparan tanda harga tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran.

Sehubungan itu, JPES ingin menyarankan bagi sebarang aduan berkaitan dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 untuk disalurkan secara rasmi melalui medium saluran yang telah disediakan dan mudah diakses seperti aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak'; Hotline Talian Darussalam 123; dan e-mel *aduanpengguna@jpes.gov.bn.*

Aduan perlu dilengkapkan dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti.

Penyaluran aduan yang lengkap secara rasmi adalah penting kerana ia akan membantu pihak JPES dalam melaksanakan tindakan lanjut serta membuat sebarang susulan dengan pihak pengadu.

Sebarang maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak' yang boleh dimuat turun melalui platform App Store dan Google Play, atau laman sesawang JPES di *www.deps.gov.bn.*




**JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengeluarkan dua kompaun kepada dua buah syarikat perniagaan kerana melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya melalui penguatkuasaan rutin harian yang dijalankan baru-baru ini.**




## Dihukum denda, penjara miliki pelbagai jenis rokok

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND598,400 atau 36 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda ke atas seorang lelaki warga tempatan.

Rahmani bin Abdullah Jahari, berusia 22 tahun, didakwa atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006, iaitu memiliki sebanyak 754 karton rokok pelbagai jenis.

Tertuduh ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di kawasan perairan Sungai Brunei iaitu di kawasan Kampung Sungai Bunga pada 17 Ogos 2021, jam 7.55 malam.

Tertuduh mengaku bersalah dan hukuman dijatuhkan oleh Majistret Syaffina binti Shahif.

Mahkamah juga menetapkan tempoh bagi tertuduh untuk menjelaskan keseluruhan denda sehingga 19 April 2023.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dan perahu bersama enjin jenama Yamaha 75HP serta dua tong minyak dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan.

## Dihukum penjara akibat curi enjin bot

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Oktober. - Mahkamah Majistret di sini menjatuhkan hukuman penjara ke atas dua lelaki tempatan kerana mencuri enjin bot dalam kejadian pada September lalu.

Defenden pertama, Mohamad Zul Sahrin bin Jumat (D1), berusia 30 tahun dijatuhkan hukuman sembilan bulan penjara manakala defendan kedua, Mohamad Abdul Halim bin Razali / Abdullah (D2), berusia 37 tahun dijatuhkan hukuman enam bulan penjara setelah kedua-duanya mengaku bersalah di hadapan Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abd. Hamid.

Mengikut pertuduhan kes, D1 dan D2 bersama seorang lagi yang masih bebas telah mencuri enjin bot di sebuah rumah di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri pada 5 September 2022, jam 5.50 pagi.

Mengikut fakta kes, D1 dan D2 telah dibawa oleh rakannya yang masih bebas ke kediaman berkenaan untuk mencuri enjin bot yang berada di garaj kereta dengan menggunakan playar untuk menanggalkan enjin bot jenis Yamaha 30 HP.

Hasil daripada siasatan yang dijalankan mendapati D1 dan D2 telah mengaku mencuri enjin bot berkenaan daripada bot gentian kaca kerana terdesak untuk mendapatkan wang.

D1 dan D2 juga telah mengakui bahawa mereka adalah orang yang ada dalam rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Hasil siasatan lanjut mendedahkan bahawa enjin bot berkenaan telah dijual oleh D1 pada harga BND40 dan D2 diberikan sejumlah BND10 daripada D1.

Siasatan lanjut pihak polis juga mendedahkan bahawa enjin bot berkenaan berharga BND3,270 dan enjin bot berkenaan telah ditemui semula dan dikenal pasti oleh mangsa.

Dalam rekod, D1 mempunyai satu sabitan jenayah terdahulu berkaitan curi pada tahun 2016 manakala D2 tidak mempunyai sabitan jenayah sebelum ini.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Zahidah Farhanah binti Abdul Aziz.

## Diberkas kerana aktiviti tidak bermoral



**BEBERAPA barangan bukti, seperti kepingan kondom serta minyak pelincir di lokasi kejadian, dipercayai bertujuan untuk kegiatan berkenaan.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Oktober. - Dua orang wanita (suspek) berjaya diberkas oleh keanggotaan dari Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) kerana dipercayai terlibat dalam menjalankan aktiviti yang tidak bermoral.

Serbuan yang dijalankan pada 18 Oktober 2022, sekitar waktu petang itu, menyasarkan dua buah bilik hotel penginapan, di kawasan Bandar Seri Begawan, di mana suspek merupakan wanita warganegara asing, berumur 34 tahun dan 44 tahun, dipercayai menjalankan aktiviti menawarkan khidmat seks.

Pemeriksaan dijalankan di tempat kejadian juga menemukan beberapa barangan bukti, seperti telefon bimbit, wang tunai, kepingan kondom serta minyak pelincir di lokasi kejadian, dipercayai bertujuan untuk kegiatan berkenaan.

Suspek ditahan bersama bahan bukti yang ditemukan dan dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah bagi siasatan lanjut.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 294A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman jenayah Penggal 22.

Pihak polis ingin menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa bekerjasama dan memberikan apa jua jenis maklumat dengan mengongsikan menerusi Talian Kecemasan Polis 993 atau ke mana-mana Balai Polis berdekatan atau disalurkan melalui e-mel Laman Sesawang PPDB, di *www.police.gov.bn* atau Instagram, *@upa.ppdb.*

## Bantu kesan Zeva Nurjannah

**TUTONG**, Rabu, 19 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Zeva Nurjannah, 25 tahun dengan nombor pasport C8467984.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4221206 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



**ZEVA Nurjannah, warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.**

# SEBAGAI LANDASAN DALAM MEMPERBAIKI DIRI

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Rabu, 19 Oktober. - Program Muallaf Mantap dan Skim Bimbingan Muallaf yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf bagi Skim Bimbingan Muallaf dan Urus Setia Program Keugamaan Belia diharapkan akan berjaya membina keyakinan para peserta untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan ilmu agama Islam selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama para peserta muallaf dari keempat-empat buah daerah.

Beberapa orang peserta yang ditemui semasa Majlis Konvokesyen Program Muallaf Mantap dan Penyerahan Sijil Tamat Skim Bimbingan Muallaf bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, baru-baru ini berkenaan melahirkan rasa kesyukuran mereka dengan penganjuran program seumpamanya itu kerana ia telah banyak membantu mereka mendalami lagi ilmu dan pengetahuan dalam agama Islam.

Salah seorang peserta Program Muallaf Mantap, Nur Tasha binti Abdullah yang sudah memeluk agama Islam sejak 7 Mei 2015, mengongsikan antara aktiviti program termasuk menghalusi bacaan Al-Quran, kelas tajwid, mendengarkan ceramah dan juga program Qiamullail.

Menurutnya, segala ilmu yang dipelajari sepanjang kursus telah banyak meningkatkan kefahaman beliau dalam mendalami lagi agama Islam dan beliau turut berharap agar program seumpamanya akan terus dilaratkan dan diadakan lagi pada masa akan datang.

Dari segi perubahan hidup sebagai seorang saudara baharu, Nur Tasha berkata, program berkenaan adalah sebagai landasan beliau untuk lebih memperbaiki diri, muhasabah diri dan seterusnya akan dapat memberi manfaat buat beliau dan juga keluarganya pada masa hadapan.

"Harapan saya agar program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang kerana banyak lagi ilmu yang perlu dipelajari dan difahami demi mengukuhkan dan memantapkan ilmu agama Islam," ujarnya lagi.

Sementara itu, Airolvin Furqan bin Sisir, salah seorang peserta Skim Bimbingan Muallaf yang memeluk agama Islam pada tahun 2018.

Mengongsikan antara aktiviti dan pengisian sepanjang mengikuti kursus, menurutnya, pelbagai ilmu dipelajari untuk mendalami lagi ilmu agama Islam, memperhalusi bacaan, sembahyang, di samping membuat aktiviti seperti majlis korban dan melaksanakan praktikal.

Jelasnya, mereka juga diajar pelbagai cara menunaikan Sembahyang Tarawih, walaupun sedikit sukar memandangkan kebanyakan daripada mereka belum mahir dalam Jawi, namun tenaga pengajar membimbing mereka secara berperingkat hingga mereka dapat memahaminya.





**AWANG Airolvin Furqan bin Sisir dan Dayang Nur Tasha binti Abdullah semasa ditemu bual (kiri dan kanan).**

Bagi dirinya sendiri, beliau ingin memperhalusi lagi Sembahyang Tarawih serta bacaan-bacaan Al-Quran, dan belajar Iqra dan mengetahui cara sebutan yang betul.

Beliau juga turut melahirkan harapan supaya akan dapat terus istiqamah dan berharap agar program seumpamanya akan terus diadakan lagi pada masa akan datang.

# Ops Bersepadu : 6 individu disiasat di bawah Akta Dadah



**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Bersepadu di Kampung Sungai Kebun pada 2 Oktober 2022 bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai melalui pembarigaan Perintah Pekerjaan 2009 dan undang-undang, di bawah kawalan setiap agensi penguatkuasaan undang-undang (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Oktober. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Bersepadu, di Kampung Sungai Kebun, pada 2 Oktober 2022, bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai melalui pembarigaan Perintah Pekerjaan 2009 dan undang-undang, di bawah kawalan setiap agensi penguatkuasaan undang-undang.

Operasi Bersepadu tersebut adalah antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan, di bawah Kumpulan Kerja Task Force bagi Menangani Isu-isu Jenayah di Kampong Ayer, yang diterajui oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Turut serta dalam Operasi tersebut adalah PPDB, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Biro Kawalan Narkotik (BKN) serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Dalam Operasi Bersepadu tersebut, pemeriksaan dibuat di 35 buah rumah dan tiga buah kedai dan tiada kesalahan perburuhan, di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Walau bagaimanapun, pemeriksaan berhasil menemukan beberapa barang tegahan dan menahan 10 individu untuk siasatan lanjut.

JKED menahan empat individu atas kesalahan, di bawah Seksyen 146 Akta Eksais 2006, iaitu kesalahan memiliki barang-barang tegahan Kastam.

Seterusnya, BKN menahan enam individu untuk disiasat, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

Sejumlah dadah yang ditemui semasa Operasi Bersepadu tersebut telah dirampas.

Kumpulan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang ini akan sentiasa bertegas dalam menguatkuasakan undang-undang di negara ini dengan objektif utama untuk membendung, mengesan dan menyekat kegiatan yang cuba merosakkan akhlak, kebajikan serta keselamatan negara ini.

PPDB serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lainnya ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dan memberikan kerjasama yang telus, terutama sekali dalam perkongsian maklumat bagi mengelakkan kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral merebak tanpa diambil sebarang langkah pembendungan yang sewajarnya.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada orang ramai, khususnya majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pemberian hari rehat yang teratur dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta, di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BERITA GLOBAL

# PEGAWAI MASJID QUEBEC CITY LOKASI ENAM JEMAAH MATI DITEMBAK, GESA UNDANG-UNDANG SENJATA API DILAKSANAKAN

**TRENTON (KANADA)**, 21 Okt. - Pengasas bersama masjid Bandaraya Quebec tempat enam jemaah terbunuh dalam insiden tembakan maut pada 2017, pada Khamis menggesa penggubal undang-undang Kanada supaya memperketat dan meluluskan rang undang-undang senjata api yang dicadangkan, lapor Agensi Anadolu.

Boufeldja Benabdallah berkata RUU C-21 wajar menyertakan larangan ke atas senjata serbu (assault rifle) separa automatik "yang tidak munasabah digunakan untuk memburu. Kita tidak perlukan senjata perang."

Pada 29 Jan 2017, Alexandre Bissonnette datang ke Pusat Kebudayaan Islam Bandaraya Quebec ketika solat magrib berakhir. Dia cuba melepaskan rentetan peluru menggunakan senapang serbu .223 separa automatik namun tersekat, lalu mencapai pistol separa automatik Glock 9 mm miliknya.

Dalam masa kurang daripada dua minit, dia membunuh enam jemaah dan mencederakan 19 yang lain termasuk lima parah. Ia merupakan insiden terburuk dalam premis keagamaan dalam sejarah Kanada.

Kerajaan Liberal Perdana Menteri Justin Trudeau akhirnya mengharamkan kira-kira 1,500 jenis senjata api pada Mei 2020. Kerajaan berkata senjata itu, termasuk AR-15 (senapang paling popular di Amerika) dan Ruger Mini-14, tidak diperlukan untuk memburu.

Ketika Benabdallah hadir di hadapan jawatankuasa keselamatan awam Dewan Perwakilan yang mengkaji RUU C-21 pada Jumaat, beliau berkata Menteri Keselamatan Awam Marco Mendicino memberi jaminan kepadanya sebelum ini bahawa pindaan untuk mentakrif dengan jelas serta pengharaman senjata serbu akan dilaksanakan.

"Kerajaan perlu melakukannya, dan saya yakin kerana kami sudah membincangkannya secara lisan dengan Encik Mendicino ketika beliau berkunjung ke masjid," katanya.

Rang undang-undang itu juga akan mengharamkan pembelian, penjualan, import dan pemindahan pemilikan pistol di Kanada. - ©BERNAMA

# 500 juta orang berisiko hadapi penyakit jantung, obesiti, jika aktiviti fizikal tidak digalakkan

**GENEVA,** 20 Okt. - Laporan baharu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Rabu memberi amaran bahawa antara 2020 dan 2030 hampir setengah bilion orang dikhuatiri akan menghidap penyakit jantung, obesiti, diabetes atau penyakit tidak berjangkit (NCD) lain disebabkan oleh ketidakaktifan fizikal.

Menurut Anadolu Agency yang memetik laporan WHO, keadaan ini boleh menyebabkan dunia kehilangan AS$27 bilion setahun jika kerajaan-kerajaan gagal mengambil tindakan segera.

Laporan status global mengenai aktiviti fizikal 2022 yang mengukur sejauh mana kerajaan-kerajaan melaksanakan cadangan untuk meningkatkan aktiviti fizikal secara menyeluruh, menunjukkan ianya tidak memadai.

"Kami memerlukan lebih banyak negara meningkatkan pelaksanaan dasar untuk membantu orang ramai menjadi lebih aktif melalui aktiviti berjalan kaki, berbasikal, sukan dan aktiviti fizikal lain," kata Ketua Pengarah WHO Tedros Ghebreyesus.

"Manfaatnya sangat besar, bukan sahaja untuk kesihatan fizikal dan mental individu, malah untuk masyarakat, persekitaran dan ekonomi."

Menurut laporan itu, pandemik COVID-19 mendedahkan pentingnya aktiviti fizikal yang kerap untuk kesihatan mental dan fizikal.

Ia juga menunjukkan ketidaksamaan dalam akses dan peluang bagi setengah komuniti untuk aktif secara fizikal.

"Pandemik COVID-19 menunjukkan aktiviti fizikal perlu menjadi komponen teras dasar awam, dengan semua negara memastikan peluang aktiviti fizikal yang saksama untuk semua," kata laporan itu.

Data daripada 194 negara menunjukkan secara keseluruhan, kemajuannya perlahan dan kerajaan mesti menyegerakan dasar meningkatkan tahap aktiviti fizikal untuk mencegah penyakit selain mengurangkan beban kepada sistem penjagaan kesihatan yang sudah terbeban.

Kurang daripada 50 peratus negara mempunyai dasar aktiviti fizikal masing-masing namun 40 peratus daripadanya kurang beroperasi.

Hanya 30 peratus negara mempunyai garis panduan aktiviti fizikal kebangsaan untuk semua kumpulan umur.

"Kami tiada petunjuk yang diluluskan di peringkat global bagi mengukur akses ke taman, lorong berbasikal, laluan pejalan kaki - walaupun kami tahu data itu wujud di beberapa negara," menurut Agensi Anadolu yang memetik Fiona Bull, ketua Unit Aktiviti Fizikal WHO, pada sidang akhbar PBB.

"Oleh itu, kami tidak dapat melaporkan atau menjejaki penyediaan infrastruktur global yang akan memudahkan peningkatan dalam aktiviti fizikal."

Laporan itu menyebut bahawa walaupun hampir semua negara melaporkan terdapat sistem untuk memantau aktiviti fizikal dalam kalangan orang dewasa, 75 peratus hanya memantau aktiviti fizikal dalam kalangan remaja dan kurang daripada 30 peratus memantau aktiviti fizikal pada kanak-kanak bawah lima tahun.

Beban ekonomi akibat ketidakaktifan fizikal adalah ketara dengan kos rawatan kes baharu NCD akan mencecah hampir AS$300 bilion menjelang 2030 atau kira-kira AS$27 bilion setahun, kata laporan itu.

Walaupun dasar negara untuk menangani NCD dan ketidakaktifan fizikal telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, 28 peratus dilaporkan tidak dibiayai atau dilaksanakan.

Laporan itu meminta negara-negara supaya mengutamakan aktiviti fizikal sebagai kunci untuk meningkatkan kesihatan dan menangani NCD, menyepadukan aktiviti fizikal ke dalam semua dasar yang berkaitan, dan membangunkan alat, panduan dan latihan untuk menambah baik pelaksanaannya. - ©BERNAMA

# 25 negara seru hentikan tindakan sepihak

**BEIJING**, 20 Okt. - Tindakan paksa sepihak mesti ditarik balik dengan sepenuhnya kerana ia mencabuli hak asasi manusia dan akan memburukkan lagi bencana kemanusiaan, kata Kuasa Usaha delegasi China ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dai Bing.

Dai Bing berkata dunia kini menghadapi cabaran global yang serius, khususnya negara-negara membangun.

Masyarakat antarabangsa perlu mengukuhkan perpaduan dan kerjasama serta menjunjung multilateralisme yang sebenar dan berkesan.

"Tindakan paksa sepihak bukan sahaja bertentangan dengan visi dan prinsip Piagam PBB serta undang-undang antarabangsa, malah melanggar multilateralisme dan norma asas hubungan antarabangsa." kata Dai ketika berucap mewakili 25 negara pada perbahasan umum mengenai isu hak asasi manusia di Jawatankuasa Ketiga Perhimpunan Agung PBB pada Rabu.

Dalam ucapannya, Dai Bing menjelaskan bahawa 25 negara menyambut baik deklarasi menteri yang dikeluarkan oleh Kumpulan 77 dan China.

Deklarasi bersama itu menegaskan bahawa tindakan paksa sepihak ke atas negara membangun tidak akan membantu pembangunan sosial dan ekonomi serta tidak kondusif bagi dialog dan persefahaman antara pelbagai negara.

"25 negara ini menegaskan pendirian menentang tindakan paksa sepihak dan menyeru negara-negara terlibat supaya segera menarik balik tindakan sepihak secara menyeluruh.

"Negara-negara berkaitan diseru tidak lagi mengambil sekatan sepihak yang bertentangan dengan undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB," kata Dai Bing. - ©BERNAMA

# IOC bincang dengan 10 hos berpotensi Sukan Olimpik akan datang

**SEOUL**, 21 Okt. - Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) sedang berbincang dengan 10 calon berpotensi untuk jadi tuan rumah Sukan Olimpik Musim Panas, lapor Xinhua, memetik seorang pegawai tertinggi IOC di sini pada Khamis.

"Kami sedang berbincang dengan 10 NOC dan wilayah yang berminat merentasi empat benua," kata ketua pengarah IOC Christophe de Kepper pada mesyuarat Persatuan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan di Seoul.

De Kepper tidak menyebut pembida yang berpotensi itu namun berkata 10 projek bidaan "berada pada tahap yang sangat berbeza dan pembida sedang membangunkan cita-cita masing-masing mengikut tempoh masa serantau atau negara mereka sendiri."

Tiga Sukan Olimpik seterusnya akan berlangsung di Paris pada 2024, di Los Angeles pada 2028 dan di Brisbane pada 2032.

Negara-negara yang telah menyatakan minat untuk menganjurkan Sukan Olimpik 2036 termasuk Mesir, India, Indonesia, Britain dan Korea Selatan. - ©BERNAMA

# Tokyo tidak import minyak Rusia pada Sept, import susut 59.9 peratus pada separuh pertama

**TOKYO,** 20 Okt. - Jepun tidak mengimport minyak Rusia pada September selain mengurangkan import minyak dan produk minyak dari negara itu kepada 59.9 peratus pada separuh pertama tahun fiskal 2022 (1H2022), menurut data Kementerian Kewangan Jepun pada Khamis.

Sputnik melaporkan import arang batu Rusia ke Jepun turun 82 peratus pada September dan 45.6 peratus dalam tempoh yang sama.

Tokyo mengurangkan import gas asli cecair (LNG) Rusia sebanyak 10.7 peratus, namun import LNG keseluruhan meningkat 2.2 peratus pada 1H2022.

Jepun juga mengurangkan import bijiran Rusia sebanyak 81.9 peratus pada September dan 70.5 peratus pada 1H2022.

Import sayur-sayuran dari Rusia juga berkurangan sebanyak 76.7 peratus pada September namun meningkat sebanyak 10.3 peratus pada 1H2022. Import daging meningkat 300 peratus dalam tempoh 1H2022 walaupun tiada import daging dibuat pada September. Import buah-buahan Rusia meningkat 912.8 peratus pada 1H2022.

Jepun menambah eksport produk perubatan ke Rusia sebanyak 578.2 peratus pada September dan sebanyak 258.6 peratus pada 1H2022.

Dalam 1H2022, eksport kereta dari Jepun juga meningkat (21.7 peratus), motosikal (14.6 peratus) dan alat ganti (76.6 peratus).

Import keseluruhan Jepun dari Rusia pada September merosot 6.5 peratus, manakala eksport menurun sebanyak 31.4 peratus. Secara khusus, eksport Tokyo ke Rusia pada September bernilai 46.7 bilion yen (AS$311.5 juta) manakala import sebanyak 128.4 bilion yen (AS$856.4 juta).

Pada 1H2022, eksport keseluruhan Jepun ke Rusia merosot 46.9 peratus manakala import meningkat 36 peratus. Eksport Tokyo ke Rusia bernilai 232.4 bilion yen (AS$1.55 bilion), dan import sebanyak 982.3 bilion yen (AS$6.55 bilion). - ©BERNAMA

# Cacar Monyet : Kes kedua dilaporkan di Vietnam

**HO CHI MINH**, 20 Okt. - Seorang wanita tempatan yang pulang dari Dubai disahkan positif cacar monyet, sekali gus menjadikannya kes kedua dikesan di Vietnam, menurut Jabatan Kesihatan tempatan.

Wanita yang berasal dari wilayah utara Tuyen Quang itu berkunjung ke Dubai dari 29 Sept hingga 18 Oktober, mengalami simptom seperti demam, loya dan lepuh sejak 11 Okt, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Wanita berusia 38 tahun itu dan pesakit kes pertama cacar monyet (kini dilaporkan telah sembuh) telah tinggal bersama ketika berada di Dubai.

Pusat Kawalan Penyakit Ho Chi Minh City (HCDC) dan pasukan perubatan Lapangan Terbang Tan Son Nhat bertindak mengasingkan wanita itu sejurus dia tiba di lapangan terbang.

Dia kemudiannya dibawa ke Hospital HCM City for Tropical Diseases bagi diagnosis dan menerima rawatan lanjut. Pesawat yang dinaiki turut dibasmi kuman.

HCDC memaklumkan pihaknya akan terus mengesan individu mempunyai hubungan langsung dengan pesakit bagi meminimumkan risiko penularan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan kecemasan kesihatan global berhubung wabak cacar monyet selepas kadar jangkitan meningkat di seluruh dunia, dengan lebih 35,000 kes di 92 negara dan wilayah, serta 12 kematian direkodkan setakat 15 Ogos. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# KETENGAHKAN BAKAT PEMAIN MUDA



**PERLAWANAN Bola Sepak Persahabatan di antara Gabungan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belia Kampung Setia dan Kampung Bolkiah 'B' bersama MPK Belia Kampung Menengah Temburong.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung, Kampung Setia**

**TEMBURONG**, Jumaat, 21 Oktober. - Gabungan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belia Kampung Setia dan Kampung Bolkiah 'B' berpesta gol apabila berjaya menewaskan MPK Belia Kampung Menengah Temburong dengan keputusan 6 - 1 pada perlawanan bola sepak persahabatan yang berlangsung di Kompleks Sukan Batu Apoi, Temburong hari ini.

Jaringan pertama MPK Belia Kampung Setia dan Kampung Bolkiah 'B' disempurnakan dengan cemerlang oleh Md. Alpadillah Awang Abdullah apabila berjaya membolosi gawang pihak lawan pada minit ke-30, diikuti dengan jaringan kedua, sembilan minit kemudian pada perlawanan separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua pula menyaksikan, Md. Alpadillah sekali lagi menghadiahkan gol ketiga pada minit ke-53 dan terus menambah jumlah jaringan pasukannya dengan menjaringkan gol keempat selang tujuh minit kemudian.

Meskipun kedua-dua pasukan memberikan tentangan hebat di antara satu sama lain, pemain gabungan MPK Belia Kampung Setia dan Kampung Bolkiah 'B' terus menggasak kubu pertahanan MPK Belia Kampung Menengah dengan sumbatan gol kelima hasil tendangan daripada Md. Airwan Awang Abdullah pada minit ke-71.

Setelah itu, Md. Amirul Safwan Safli seterusnya menyumbang satu lagi tambahan gol pada minit ke-79 sebelum Ampuan Alif Ampuan Hassan berjaya menjaringkan gol tunggal bagi MPK Belia Kampung Menengah pada minit ke-86.

Dengan adanya perlawanan persahabatan seumpama berkenaan setentunya menyaksikan sukan bola sepak juga mampu memperkukuhkan lagi ukhuwah di antara kedua-dua belah pihak.

Selain itu, ke arah membentuk warga sihat menerusi sukan, perlawanan berkenaan juga dapat memupuk kemahiran para pemain muda untuk diketengahkan ke peringkat seterusnya dalam mengembangkan lagi sukan bola sepak di negara ini.

# Afrika Selatan melobi untuk jadi tuan rumah Piala Dunia Wanita FIFA 2027

**JOHANNESBURG,** 20 Okt. - Afrika Selatan akan menghantar pegawainya ke New Zealand bagi mendapatkan sokongan dalam usaha negara itu membida menjadi tuan rumah Piala Dunia Wanita FIFA 2027, kata Persatuan Bola Sepak Afrika Selatan (SAFA) pada Rabu.

Undian Piala Dunia Wanita FIFA 2023 akan berlangsung di Auckland pada Sabtu. Menurut SAFA mereka akan menghantar presidennya Danny Jordaan untuk meyakinkan dunia bahawa negara itu mempunyai infrastruktur dan kepayaan untuk menganjurkan kejohanan itu, lapor Xinhua.

"Kami mempunyai infrastruktur, stadium, hotel dan tempat latihan, dan faktor kami sudahpun menganjurkan Piala Dunia membabitkan 32 pasukan pada 2010, banyak membantu. Infrastruktur sudah tersedia dan kami mempunyai kapasiti untuk menjayakannya. Dunia tahu kapasiti kami, mereka telah melihat stadium dan infrastruktur kami," kata Jordaan.

Jawatankuasa Konfederasi Sukan dan Olimpik Afrika Selatan (SASCOC) memberi surat sokongan kepada Jordaan untuk dikemukakan sebagai dokumen sokongan.

"Ia bertujuan untuk mengesahkan bahawa SAFA adalah ahli SASCOC dan ahli dalam kedudukan yang baik. Kami mengakui bahawa penganjuran sama ada kejohanan benua atau dunia di Afrika Selatan meletakkan negara pada tahap tertinggi di peringkat global dan menambah nilai kepada ekonomi. SASCOC sepenuhnya menyokong dan menghargai hasrat sedemikian dengan fokus menangani pembangunan dan perkembangan wanita," menurut kandungan surat itu

"Pencapaian Banyana Banyana (pasukan bola sepak wanita kebangsaan Afrika Selatan) baru-baru ini membuktikan komitmen daripada persekutuan anda. Oleh itu, kami berharap untuk SAFA membuat pembentangan terbaik dalam usahanya untuk menjadi tuan rumah Piala Dunia Wanita FIFA 2027," tambahnya.

Chile, Itali, Amerika Syarikat, Mexico dan negara-negara Nordik (Denmark, Finland, Iceland, Norway, dan Sweden) telah menyatakan minat untuk menganjurkan Piala Dunia Wanita FIFA 2027, manakala bidaan Afrika Selatan dan bidaan bersama dari Belgium, Jerman dan Belanda telahpun disahkan. - ©BERNAMA

# Ratu kayak Sukma tekad bersara di usia muda

**KUALA TERENGGANU**, 21 Okt. - Ratu kayak Sukan Malaysia (Sukma) 2022, Shahida Asyiqin Rusli tekad memilih untuk memberikan fokus kepada pelajaran sekali gus melepaskan impiannya dalam bidang sukan.

Shahida Asyiqin yang berpeluang mewakili negara ke Sukan SEA 2023 memilih untuk bersara pada usia 18 tahun dan kini menunggu tawaran daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi meneruskan pelajaran dalam bidang Sains Sukan yang menjadi cita-citanya.

Atlet kelahiran Kuala Terengganu itu berkata keputusan dibuat tidak dipengaruhi mana-mana pihak termasuk ibu bapa yang sentiasa memberikan galakan untuk beliau meneruskan karier dalam bidang sukan.

"Saya tidak nafikan ada juga rasa rugi tetapi keputusan saya muktamad... dah nekad hendak bersara.

"Keluarga ada nasihat supaya saya teruskan bermain (bersukan), tetapi saya tidak mahu kerana hendak tumpu sepenuhnya pada pelajaran. Akhirnya, mereka diam dan terima saja keputusan saya," katanya ketika ditemui di sini malam tadi.

Bagaimanapun, Shahida Asyiqin berkata beliau sedia mempertimbangkan untuk bertanding di peringkat IPT sekiranya diterima masuk ke mana-mana universiti.

"Saya memang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tetapi sehingga kini belum ada perkembangan," katanya.

Shahida Asyiqin mencipta rekod tersendiri pada Sukma 2022 di Kuala Lumpur apabila memenangi empat pingat emas, tiga perak dan enam gangsa.

Beliau turut memecahkan tiga rekod kebangsaan dalam acara Kayak Single 100 meter wanita, Kayak Single 500 meter wanita dan Kayak Four 100 meter wanita.

Kejayaan tersebut membolehkan beliau dianugerahkan insentif tertinggi Sukma sebanyak RM33,500 oleh kerajaan negeri. - ©BERNAMA

# Tahukah Awda

**MELALUI** satu Memorandum Commissioner of Police, Brunei yang ditujukan kepada The State Secretary, Brunei, Ref:BP.1/28/3 bertarikh 1 Disember 1960 dengan tajuk FIRE SERVICES ada menyebutkan mengenai sejarah penubuhan awal Pasukan Bomba pada 1 Januari 1960 dengan rasminya ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang berasingan daripada Pasukan Polis. Anak tempatan yang pertama menjawat jawatan Pengawal Pasokan Bomba ialah Dato Paduka Awang Haji Yaakob bin Haji Mohd. Yussof. Pada 9 November 1987 nama Pasokan Bomba ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan seterusnya 9 Mac 2006 nama Jabatan Perkhidmatan Bomba ditukar kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**SUMBER :** *www.fire-rescue.gov.bn*

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn